


# LAPORAN TAHUNAN 2015

---

## MENERAJUI MENERUSI ASAS YANG KUKUH





LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Laporan Tahunan 2015



**MIDA**

# KANDUNGAN

Muka  
surat

1	MENITI ALUR MARA KE HADAPAN	MIDA memainkan peranan utama dalam usaha mencari pelaburan mampang yang akan mengukuhkan ekosistem perindustrian Malaysia	5
2	MENERAJUI MENERUSI ASAS YANG KUKUH	Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengurus MIDA, menaksir pertumbuhan ekonomi Malaysia dan peluang-peluang yang bermanfaat kepada rakyat Malaysia	9
3	MENUMPUPADA ASAS YANG KUKUH	Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, menegaskan peranan MIDA dalam usaha menghadapi cabaran ekonomi global dan mengekalkan pertumbuhan Malaysia	15
4	PENGURUSAN	Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Dan Carta Organisasi MIDA pada tahun 2015	20
5	MENEMPA JEJAK TANDA	MIDA merupakan agensi utama Malaysia yang berkhidmat untuk mempromosikan pelaburan bagi merealisasikan agenda pembangunan ekonomi negara	26
6	SEDIA, MULA, BERCAMBAH	Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan utama bagi pelabur walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar dan sektor perkhidmatan menjadi enjin utama pertumbuhan negara	29
7	PERSEKITARAN KONDUSIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN	Sektor perkilangan mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2015 dan keyakinan pelabur tetap dibajai dengan sentimen yang memandang Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan stabil	39
8	MENINGKATKAN PROFIL MALAYSIA	MIDA berusaha dengan aktif untuk terus menarik pelaburan baru dan menggalakkan pelaburan semula	55
9	PENYATA KEWANGAN	Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015	60
10	LAMPIRAN	Penyertaan MIDA dalam acara-acara tempatan dan luar negara, lawatan VIP dan aktiviti lain	80
11	TEMUI MIDA	MIDA diwakili oleh 23 pejabat di seluruh dunia dan di semua negeri dalam Malaysia	90





## MENITI ALUR MARA KE HADAPAN

---

MIDA memainkan peranan utama dalam usaha mencari pelaburan mampan yang akan mengukuhkan ekosistem perindustrian Malaysia

# Meniti Alur Mara Ke Hadapan

*MIDA memainkan peranan utama dalam usaha mendapatkan pelaburan mampan yang akan mengukuhkan ekosistem perindustrian Malaysia. Dalam suasana ekonomi global yang mencabar, MIDA telah memberikan suntikan nafas baharu dan melipatgandakan usaha untuk membantu menyerlahkan kekuatan asas negara kepada para pelabur dan mengekalkan kemajuan transformasi yang baik*

Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengiktiraf kelebihan daya saing sebagai kekuatan fundamental negara dengan menaikkan kedudukan Malaysia sebanyak dua anak tangga dalam Laporan Daya Saing Global 2015/2016 dan meletakkan Malaysia di tempat ke-18 mendahului 122 negara. Laporan tersebut turut memberi tumpuan kepada Malaysia sebagai salah satu daripada 20 ekonomi dalam peralihan daripada dipacarkan efisiensi kepada yang dipacarkan inovasi. Dalam Indeks Keuntungan Dasar (*Baseline Profitability Index*), senarai kedudukan daya tarikan pelaburan, majalah *Foreign Policy* meletakkan Malaysia di tempat keenam daripada 100 negara pada tahun 2015, satu peningkatan mendadak sebanyak lima tempat daripada tempat ke-11 pada tahun 2014. Malaysia turut mengecapi sebuah kejayaan manis dengan mendapat kedudukan ke-18 dalam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan (*Ease of Doing Business*) 2016 keluaran Bank Dunia dengan mengambil kira pembaharuan yang dilaksanakan dalam bidang perniagaan termasuk pembayaran cukai yang lebih rendah dan mudah untuk syarikat melalui pemfailan elektronik wajib serta kadar cukai harta yang dikurangkan.

Persekutuan perniagaan di Malaysia turut mengekalkan kedudukan sebagai mercu tanda untuk pelaburan rentas sempadan. Di dalam Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai tinjauan Perdagangan dan Ukur Prospek Peluang Pelaburan Dunia (UNCTAD) 2014-2016, Malaysia menyerlah sebagai salah satu daripada negara tuan rumah utama untuk FDI, mendahului Singapura dan Jepun.

Kesan positif Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) berjaya meningkatkan kecekapan dan daya saing negara. Hanya dalam tempoh yang singkat, Malaysia telah melaksanakan banyak pembaharuan strategik untuk meningkatkan kekuatan teras seperti memperkenalkan undang-undang persaingan, meliberalisasikan perkhidmatan, pengukuhan dasar fiskal, meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan pelaburan dalam pembangunan modal insan.

Keputusan pembaharuan ini membuka laluan kepada pelabur sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan bidang ekonomi yang paling penting di negara ini. Malah, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) meramalkan bahawa negara memerlukan pelaburan swasta untuk meningkat pada purata sebanyak 9.4 peratus bagi menyokong Teras Strategik VI (Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran) yang memberi mandat pengukuhan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pada masa hadapan, kita akan melihat Malaysia berubah menjadi sebuah negara maju dengan sasaran untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita kepada RM54,100 menjelang tahun 2020.

## Menuju Pertumbuhan Mampan

Kejayaan yang diperoleh daripada usaha keras Malaysia selama ini dalam mengekalkan momentum pelaburan perlu diperkuuh untuk memastikan negara bergerak mengikut haluan yang betul. MIDA perlu membanting tulang ke arah aktiviti strategik yang tepat untuk mengekalkan kelestarian pertumbuhan dengan menyerlahkan kekuatan teras negara. Di atas sebab itu, Malaysia memerlukan projek berkualiti yang bersandar pada ilmu pengetahuan dan teknologi, dan bukan sekadar terhad kepada buruh dan eksplorasi bahan sumber

**“Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengiktiraf kelebihan daya saing sebagai kekuatan fundamental negara dengan menaikkan kedudukan Malaysia sebanyak dua anak tangga dalam Laporan Daya Saing Global 2015/2016 dan meletakkan Malaysia di tempat ke-18 mendahului 122 negara.”**

semata-mata. Projek-projek yang berkualiti perlu mewujudkan lebih peluang pekerjaan untuk pekerja yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi; membawa kesan PNK yang tinggi; menambah nilai merentasi pelbagai ekosistem industri dan mengukuhkan lagi asas negara.

Laporan Tahunan ini menggariskan usaha gigih pegawai MIDA dalam menarik projek-projek tersebut ke negara kita. Pada tahun 2015, MIDA turut serta dalam enam misi perdagangan dan pelaburan yang meliputi pelbagai negara termasuk Perancis, Jerman, China, Turki, Korea dan Jepun, dan turut menyokong penyertaan agensi promosi pelaburan yang lain serta sektor swasta dalam acara perdagangan luar negera. Berlatar belakangkan pergolakan ekonomi, pelabur di seluruh dunia mencari kawasan pelaburan yang selamat dan MIDA berusaha keras mempromosi Malaysia sebagai destinasi ideal yang terletak di persimpangan pasaran Asia.

Dengan penubuhan rasmi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan pelancaran awal Penyelesaian ASEAN untuk Pelaburan, Perkhidmatan dan Perdagangan (*ASEAN Solutions for Investment, Services and Trade*) pada akhir tahun 2015, rantau ini dijangka menarik minat syarikat multinasional untuk menubuhkan hab utama bagi operasi perkhidmatan atau perkilangan mereka. Selari dengan kemajuan yang mantap ini, Insentif Hab Prinsipal Malaysia akan memberikan peluang untuk menubuhkan pusat operasi global di negara ini.

Usaha pencarian projek pelaburan berkualiti tetap berterusan di pasaran domestik. Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) yang ditubuhkan pada tahun 2012 dengan tujuan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur dan membangunkan keupayaan dalam bidang inovasi dan berasaskan

teknologi. Sehingga akhir tahun 2015, sebanyak 196 projek diluluskan dengan geran berjumlah RM785.5 juta, iaitu peningkatan sebanyak 48 projek dan geran sebanyak RM153.7 juta daripada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan lestari daripada pelaburan berkualiti hanya boleh dicapai sekiranya projek-projek ini dapat direalisasikan dengan sokongan padu daripada modal insan tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang penting. Untuk memastikan hasrat tersebut dapat dicapai, MIDA akan terus bekerjasama erat dengan pihak Kementerian dan agensi berkaitan seperti CREST dan TalentCorp untuk memanfaatkan modal insan negara dan menutup jurang kemahiran dalam usaha untuk memenuhi keperluan pelabur yang berpotensi.

Dalam bidang advokasi dasar, MIDA telah mengambil langkah penting untuk menyelaraskan keperluan sektor swasta dengan dasar Kerajaan melalui penubuhan Pejabat Penyeragaman dan Penyelarasaran Insentif (ICCO) pada tahun 2015 yang akan memperlihatkan peluang insentif kepada para pelabur di samping mengenal pasti jurang dan mengelakkan pertindihan antara skim sedia ada.

Terdapat pelbagai cabaran yang bakal dihadapi pada tahun hadapan yang boleh menjelaskan pertumbuhan pelaburan antarabangsa termasuk keputusan United Kingdom untuk keluar daripada Kesatuan Eropah, permintaan agregat yang lemah serta pergolakan pasaran yang berterusan. Walau bagaimanapun, dengan asas yang kukuh, aktiviti strategik kami yang tertumpu dan kerjasama yang komited dengan agensi Kerajaan dan peserta industri, kami akan bertahan utuh dan tabah dalam mengekalkan haluan yang tepat.

---



24 Jun 2015, Kuala Lumpur – YB Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ketika berucap dalam majlis pelancaran 'World Investment Report 2015' (WIR)





## MENERAJUI MENERUSI ASAS YANG KUKUH

---

Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi MIDA,  
menaksir pertumbuhan ekonomi Malaysia dan  
peluang-peluang yang bermanfaat kepada  
rakyat Malaysia



## Menerajui Menerusi Asas yang Kukuh

*Cabaran di masa hadapan memerlukan Malaysia untuk melaksanakan strategi unik, melampaui pertumbuhan ekonomi biasa; kerana wujudnya keperluan untuk membina kekuatan teras negara yang dapat menjamin peluang dengan manfaat jangka panjang untuk semua rakyat Malaysia*

klim ekonomi global pada tahun 2015 amat mencabar disebabkan oleh kejatuhan harga minyak dan pergolakan berterusan pasaran dunia. Walaupun negara-negara sedang membangun merupakan penyumbang utama terhadap pertumbuhan output global, semenjak krisis kewangan, kesan kelembapan turut dirasai oleh ekonomi yang sedang membangun dan dalam peralihan. Namun begitu, ekonomi Malaysia tetap berdaya tahan dengan asas yang mengekalkan pembangunan negara sehingga kini serta mencatatkan kadar pertumbuhan positif yang konsisten.

Kemampuan pertumbuhan Malaysia disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh, tahap rizab luar yang selesa, inflasi yang rendah (2%) dan dasar kewangan yang akomodatif. Dengan dasar yang pro-perniagaan, berhemat dan pragmatik,

Malaysia merupakan rakan kongsi yang ideal dalam menjalankan perniagaan di rantau ini. Masyarakat antarabangsa memandang Malaysia sebagai pintu masuk ke Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC 2015) dan menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan utama.

Pada tahun 2015, Malaysia meluluskan pelaburan bernilai RM186.7 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Tinjauan tahun 2015 mendapati 4,887 projek diluluskan; dan dijangka menyediakan 180,240 peluang pekerjaan, seterusnya memberikan pulangan positif daripada pelaburan langsung di Malaysia. Walaupun terdapat penurunan 21 peratus dalam kelulusan daripada tahun sebelumnya, namun kejayaan yang dicapai melepassi sasaran pelaburan swasta berjumlah RM148 bilion yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia

**“MIDA akan terus memenuhi peranannya dengan berfikir dinamik serta bekerjasama dengan koridor ekonomi dan agensi kerajaan yang lain untuk memacu pertumbuhan dan membangunkan ekosistem pelaburan secara menyeluruh sebagai galakan pelaburan di negara ini.”**

dalam Rancangan Malaysia ke-10. Daripada kesemua pelaburan yang diluluskan, RM150.6 bilion atau 81 peratus disumbangkan oleh DDI manakala RM36.1 bilion atau 19 peratus adalah daripada sumber asing. Prestasi DDI yang lebih baik memberikan gambaran positif tentang sambutan yang menggalakkan daripada pelabur tempatan yang menyahut seruan Kerajaan untuk menjadikan pelaburan domestik sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Aliran masuk FDI pada tahun 2015 yang bernilai RM39.5 bilion merupakan jumlah yang tertinggi dicatatkan dalam tempoh lima tahun yang lalu (11.8 peratus lebih tinggi daripada 2014), dengan Singapura sebagai sumber pelaburan yang


terbesar, diikuti oleh Jepun, Belanda dan Amerika Syarikat. Sebagai perbandingan, aliran masuk FDI ke Singapura susut sebanyak empat peratus, manakala ASEAN secara keseluruhannya menyaksikan pengurangan aliran masuk FDI sebanyak tujuh peratus pada tahun yang sama.

Malaysia menyerlah sebagai destinasi pelaburan disebabkan oleh asas ekonomi yang teguh serta strategi dan dasar kerajaan yang pro-perniagaan. Laporan *Ease of Doing Business Report 2016* keluaran Bank Dunia meletakkan Malaysia di tangga ke-18 daripada 189 negara untuk indeks persekitaran perniagaan dan kedudukan ini mengatasi negara-negara maju seperti Belanda (28), Switzerland (26) dan Perancis (27). Malaysia turut berada pada tangga ke-18 daripada 144 negara dalam *Global Competitiveness Report 2015-2016*, Forum Ekonomi Dunia (WEF), dan kekal sebagai negara terulung di kalangan negara Asia yang sedang membangun, mendahului Thailand (ke-32), Indonesia (ke-37) dan Filipina (ke-47).

Kedudukan Malaysia yang membanggakan pada tangga keenam daripada 140 di dalam sub-indeks *Goods Market Efficiency* dalam Laporan *Global Competitiveness Index 2015-2016*, membuktikan bahawa Malaysia adalah negara yang mempunyai

### Aliran Masuk FDI Malaysia

Dalam tahun 2015, aliran masuk FDI ke dalam Malaysia telah mencecah RM39.5 bilion, 11.8% lebih tinggi daripada yang direkodkan untuk tahun 2014.



pasaran barang yang cekap dan berkedudukan strategik dalam menawarkan kombinasi yang sempurna untuk produk dan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat. Keadaan ini mewujudkan persekitaran daya saing yang memberi tekanan dan mendorong kepada syarikat-syarikat untuk menjadi lebih inovatif dan berorientasikan pelanggan dan seterusnya, meningkatkan kecekapan dalam pasaran.

Cabarai di masa hadapan memerlukan Malaysia untuk memperolehi pencapaian, melampaui pertumbuhan ekonomi biasa kerana wujudnya keperluan untuk membina kekuatan teras negara yang dapat menjamin peluang dengan manfaat jangka panjang untuk semua rakyat Malaysia. Menurut WEF, Malaysia adalah sebuah negara yang berdaya tahan - salah satu daripada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi yang paling berdaya saing yang masih melalui tempoh pemulihan daripada krisis kewangan 2008. Pengalaman negara dalam menangani Krisis Kewangan Asia 1997 dan Krisis Kewangan Global 2008 telah menjadikan Malaysia lebih teguh dan lebih fokus kepada asas ekonomi negara dan pengalaman ini membolehkan negara untuk mengharungi cabaran ekonomi masa hadapan di samping mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran antarabangsa. Selaras dengan Program Transformasi Ekonomi, MIDA akan turut merealisasikan wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan membawa masuk pelaburan yang dapat membantu memenuhi aspirasi negara dan memerkasa rakyat Malaysia dengan pekerjaan yang berpendapatan dan berkualiti tinggi.

MIDA akan terus melaksanakan peranannya secara kreatif serta bekerjasama dengan koridor ekonomi dan agensi kerajaan yang lain untuk memacu pertumbuhan dan membangunkan ekosistem

pelaburan yang menyeluruh dalam menggalakkan pelaburan berkualiti di negara ini. Wilayah Ekonomi Koridor Utara (meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara) telah membawa masuk pelaburan berjumlah RM12.48 bilion pada tahun 2015, manakala SCORE (Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak) berjaya menarik pelaburan sebanyak RM30.6 bilion pelaburan dalam fasa pertama (2008-2015).

Berlandaskan asas-asas yang kukuh, MIDA akan meningkatkan usaha sebagai agensi pusat penggalakan pelaburan untuk memastikan sasaran pelaburan negara dapat dicapai. Saluran komunikasi sentiasa terbuka untuk pertukaran pandangan dan idea dalam menggubal dasar dan strategi yang berkesan untuk manfaat komuniti perniagaan. Dengan membangunkan modal insan tempatan yang mampu menangani industri berteknologi dan bernilai tinggi, MIDA kekal positif bahawa pelabur akan yakin untuk membuat komitmen jangka panjang di Malaysia.

Selaku Penggerusi, saya ingin mengakhiri perutusan ini dengan mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat, daripada pihak pengurusan dan kakitangan MIDA yang bekerja keras untuk memastikan peningkatan yang berterusan, juga kepada peserta industri, pihak berkepentingan yang lain serta rakyat yang menyumbang kepada ekonomi pada skala yang lebih luas, atas sokongan mereka yang berterusan. Saya yakin bahawa Malaysia akan mencapai sasarannya menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, dengan sokongan MIDA, dan diterajui oleh negara yang dengan asas-asas kukuh.

**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**  
**Pengerusi, MIDA**

---



*Malaysia berada di tangga ke-18 daripada 189 negara untuk indeks persekitaran perniagaan dan kedudukan ini mendahului negara-negara maju seperti Belanda (28), Switzerland (26) dan Perancis (27).*

*Laporan Ease of Doing Business Report 2016*



*Malaysia turut berada pada tangga ke-18 daripada 144 negara dan kekal sebagai negara terulung di kalangan negara Asia yang sedang membangun.*

*Global Competitiveness Report 2015–2016, Forum Ekonomi Dunia (WEF)*




*Kedudukan Malaysia yang membanggakan pada tangga keenam daripada 140 di dalam sub-indeks Goods Market Efficiency.*

*Laporan Global Competitiveness Index 2015–2016*



14 November 2015, Hotel Majestic, Kuala Lumpur – YB Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berserta Tan Sri Amirsham A.Aziz, Pengurus MIDA ke majlis makan malam tahunan MIDA, MIDA Magic Night 2015





## MENUMPU PADA ASAS YANG KUKUH

---

Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, menegaskan peranan MIDA dalam usaha menghadapi cabaran ekonomi global dan mengekalkan pertumbuhan Malaysia



## Menumpu pada Asas Yang Kukuh

*Untuk mengurangkan cabaran ekonomi global pada masa hadapan dan mengekalkan pertumbuhan, MIDA akan terus menyalurkan usaha untuk membangunkan ekosistem yang kukuh dan menyokong sektor perkilangan dan perkhidmatan yang membuka peluang pekerjaan dan menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk inovasi serta menangani keperluan khusus perniagaan*

Berdiri teguh sebagai pemangkin utama pelaburan ke Malaysia, MIDA berada dalam kedudukan yang unik sebagai peneraju dan pengawal selia industri negara. Tahun 2015 merupakan tahun yang agak sukar bagi kebanyakan negara disebabkan faktor seperti kelembapan pertumbuhan perindustrian China dan seterusnya, susut nilai mata wang Yuan China yang turut memberi kesan kepada negara-negara di benua Asia yang lain.

Di sebalik ranjau yang dilalui, tahun 2015 tetap merupakan tahun yang baik untuk pelaburan langsung asing (FDI). FDI global keseluruhan meningkat sebanyak 36 peratus kepada kira-kira AS\$1.7 trilion. Daripada jumlah ini, kira-kira 15 peratus adalah daripada benua Asia yang semangat berdaya usaha. Secara kolektif, rantau ini

memecahkan rekod FDI dengan nilai sebanyak US\$548 billion.

Malaysia, sebagai sebuah negara Asia Tenggara di pentas dunia, meresapi semangat transformasi industri, beralih daripada pengilangan produk berkos dan bernilai rendah kepada aktiviti yang berteknologi tinggi dan memiliki nilai ditambah yang lebih tinggi. Sebagai negara peralihan yang terperangkap dalam landskap ekonomi global yang kurang memberangsangkan, Malaysia mengalih tumpuan untuk membina kekuatan sedia ada, merangsang teras melalui usaha Kerajaan bersama sektor awam dan swasta. Melalui usaha tersebut, Malaysia terbukti menjadi pilihan konglomerat antarabangsa sebagai sebuah destinasi pelaburan yang teguh. Ketika Tinjauan Peluang Pelaburan Dunia di Persidangan

**“Saya yakin dengan keupayaan MIDA untuk terus menarik minat pelabur dengan membuka peluang pelaburan baharu, seterusnya menyediakan peluang industri yang lebih besar dalam Malaysia.”**

---

Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Malaysia muncul sebagai salah satu daripada negara tuan rumah teratas untuk FDI bagi tahun 2014-2016. Berdasarkan kedudukan utuh negara dalam Laporan *Ease of Doing Business* 2016 keluaran Bank Dunia dengan Malaysia berada di tangga ke-18 daripada keseluruhan 189 buah negara pada tahun 2015, berserta 11.8 peratus pertumbuhan dalam FDI daripada RM35.3 bilion pada tahun 2014 kepada RM39.5 bilion pada tahun 2015, membuktikan kemampuan Malaysia untuk mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu destinasi utama untuk pelaburan sedunia.

Meskipun dengan kelembapan ekonomi global, para pelabur tetap tertarik untuk melabur di Malaysia dalam sektor perkilangan. Pada tahun 2015, jumlah pelaburan ke dalam sektor tersebut adalah RM74.7 bilion (40 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan). Daripada jumlah ini, 384 adalah projek baharu bernilai RM60.2 bilion; membentuk 80.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, dengan RM11.6 bilion (19.3%) adalah daripada sumber asing manakala RM48.6 bilion (80.7%) pula adalah daripada pihak tempatan.

Sektor perkhidmatan pula bertindak sebagai magnet pelaburan paling utama pada tahun 2015 dengan pelaburan berjumlah RM108.2 bilion (57.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan) dengan 4,150 projek yang diluluskan.

Pada tahun 2015, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, China dan Singapura kekal sebagai penyumbang utama FDI negara. Untuk meluaskan profil Malaysia di peringkat antarabangsa, MIDA menganjurkan enam Misi Perdagangan dan Pelaburan berskala besar ke Eropah dan negara-negara Asia yang lain sepanjang tahun lalu. Sebagai sebuah agensi pelaburan berwibawa yang membawa nama negara, MIDA menggembungkan usaha untuk membina dan mengekalkan hubungan dengan rakan kongsi utama ekonomi Malaysia, baik di rantau ini maupun seisi dunia. Usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan nilai ditambah tinggi diperkuuhkan dengan hubungan perdagangan dan

perkongsian pengetahuan yang sihat dengan negara-negara maju. Malaysia bakal merealisasikan objektif transformasi ekonominya dengan melibatkan diri dalam perniagaan antarabangsa dan menarik minat pelaburan asing.

Sebagai destinasi terkemuka dunia untuk syarikat-syarikat transnasional dalam industri elektronik, automotif, pengilangan jentera serta minyak dan gas, Malaysia kini mampu memanfaatkan reputasi cemerlangnya untuk mengejar impian dalam industri aeroangkasa, perubatan, pertahanan dan fotovoltaik. Dengan melangkah maju ke hadapan, MIDA turut mengambil peluang ke atas asas negara yang kukuh iaitu tenaga kerja berpendidikan yang mampu menyokong industri negara yang semakin berkembang. Sokongan mantap daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 bakal menyaksikan Malaysia mempelbagaikan dan membina potensi industri dan modal insan dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan premium dalam blok ASEAN.

Untuk mengurangkan cabaran ekonomi global pada masa hadapan dan mengekalkan pertumbuhan, MIDA akan terus menyalurkan usaha untuk membangunkan ekosistem yang kukuh dan menyokong sektor perkilangan dan perkhidmatan yang membuka peluang pekerjaan dan menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk inovasi serta menangani keperluan khusus perniagaan.

MIDA telah memainkan peranan memenuhi inisiatif ini pada skala yang lebih kecil, dengan pelaksanaan lima inisiatif transformasi utama yang akan membantu pembangunan pekerja baharu dan pekerja sedia ada. Pengukuhan tenaga kerja menunjukkan komitmen kami di MIDA untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Malaysia dan pelabur asing.

Selaku Ketua Pegawai Eksekutif, saya yakin dengan keupayaan MIDA untuk terus menarik minat pelabur dengan membuka peluang pelaburan baharu, seterusnya menyediakan peluang industri yang lebih besar dalam Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan saya di MIDA untuk ketabahan mereka dalam menghadapi cabaran yang dihadapi sepanjang tahun lalu. Dengan usaha dan kerja keras mereka yang berterusan, saya yakin MIDA akan sentiasa teguh berganding bahu memastikan masa hadapan yang cerah untuk Malaysia.

**DATO' AZMAN MAHMUD**  
**Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA**

---

# Pemantapan Modal Insan

**M**engambil kira landskap pelaburan global yang semakin kompetitif, pengurusan MIDA mengiktiraf kepentingan dan sumbangan modal insan (HR) ke arah produktiviti negara dan telah mengambil langkah tertentu untuk mengukuhkan fungsi pengurusan modal insan. Agenda transformasi HR MIDA merangkumi lima inisiatif utama: pengukuhan Bahagian Sumber Manusia (HR); pengenalan Pusat Penilaian, Pembangunan, dan Model Kecekapan MIDA; pengenalan rangka kerja rancangan pewarisan yang tersusun; pelaksanaan KPI bertanggungjawab dan Sistem Pengurusan Prestasi Pekerja; termasuk penubuhan Akademi MIDA.

MIDA turut mengukuhkan unit modal insan dengan menambah keupayaan pekerja, membawa masuk pekerja yang memiliki latar belakang Sumber Manusia ke dalam unit HR dan membawa masuk pakar modal insan untuk memberikan konsultasi mengenai amalan terbaik HR. Program latihan yang dirancang adalah berdasarkan Model Kecekapan yang akan memberi tumpuan kepada latihan berdasarkan kecekapan untuk menangani jurang prestasi individu dan model ini

berbeza dengan pendekatan latihan yang rawak dan tidak terfokus. Pusat Penilaian dan Pembangunan akan menawarkan pendekatan yang sistematis dalam menilai prestasi pekerja untuk tujuan kemajuan dan pembangunan kerjaya.

Pengenalan rancangan pewarisan kerjaya yang tersusun akan memastikan peralihan kepimpinan yang lancar dalam MIDA melalui inisiatif seperti program mentor-mentee dan pembangunan kepimpinan. Hampir sepuluh peratus daripada pengurus peringkat pertengahan dan atasan MIDA akan bersara dalam tempoh tiga tahun akan datang. Pengetahuan tersirat yang terhimpun dalam kalangan pengurus ini perlu didokumenkan untuk menambah pengetahuan perihal institusi MIDA.

MIDA juga sedang mempertimbangkan penubuhan Akademi sendiri untuk mengukuhkan pengetahuan institusi. Ini boleh dicapai melalui kerjasama penyelidikan industri dengan institusi pengajian tinggi dan mengenal pasti pakar bidang dalam MIDA.

## Program Transformasi HR

1	2	3	4	5
Penyusunan Semula Unit HR	Pusat Penilaian & Pembangunan (ADC)	Model Kecekapan & Perancangan Pewarisan	Sistem Pengurusan Prestasi Pekerja (EPMS)	Akademi MIDA
Apr – Dis 2015	Secara berterusan	Secara berterusan	Jan – Jun 2016	Sept–Jun 2016
Struktur organisasi baharu.  Rancangan Pembangunan Individu diwujudkan untuk setiap pekerja HR.	Modul dan infrastruktur untuk proses penilaian baharu diwujudkan.  Calon untuk dinaikkan pangkat ke jawatan kritikal dinilai melalui ADC.  Mengenali dan menghantar Penilaian Dalaman untuk dilatih.	Mengenali pasti jawatan kritikal.  Kerangka kerja Rancangan Pewarisan dimuktamadkan.  Perekrutan Strategik – Pakar & Pengamal Industri.	Memperkuatkan KPI sedia ada.  Membangunkan EPMS dalam talian.	Proses penandaarsaan yang berterusan.  Struktur dan kerangka akademi dimuktamadkan.  Program ‘Melatih Jurulatih’ dilaksanakan pada Oktober 2015.  Bekerjasama dengan universiti-universiti.



14 Julai 2015, Kuala Lumpur – Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Hitendra Joshi, Pengurus Persatuan Industri Perubatan Malaysia AMMI ketika pelancaran Laporan Industri Peranti Perubatan 2015 sambil diperhatikan oleh En Ahmad Tajudin Omar, Pengarah Bahagian Sains Hayat dan Teknologi, MIDA



4

# PENGURUSAN

---

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Carta Organisasi MIDA pada tahun 2015

# Lembaga Pengarah

**L**embaga Pengarah MIDA terdiri daripada dua belas (12) anggota diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli lain Lembaga Pengarah termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang wakil kanan daripada Kementerian Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Setiausaha

Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian dari Sabah. Lembaga Pengarah juga mempunyai lapan anggota daripada sektor swasta mewakili sektor-sektor komersial, perlilangan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan.

Empat mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2015.



**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**  
Pengerusi, MIDA



**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



**TAN SRI DR REBECCA FATIMA STA MARIA**  
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



**Ms KHODIJAH ABDULLAH**  
Setiausaha Bahagian Cukai (SBC), Kementerian Kewangan / Perbendaharaan Malaysia



**DATUK HAJI HASHIM PAIJAN**  
Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Perindustrian, Sabah



**DATUK NG PENG HONG @ NG PENG HAY**  
Pengerusi, Wellcall Holdings Berhad



**DATUK NORIYAH AHMAD**  
Pengerusi Bersama, Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA)



**DATO' GOOI SOON CHAI**  
Naib Presiden Kanan, Order Fulfillment & Infrastructure Keysight Technologies Malaysia Sdn Bhd



**YM TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ**  
Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Investment Bank Berhad



**STUART L. DEAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif, GE ASEAN GE Global Growth & Operations



**TAN SRI SAW CHOO BOON**  
Presiden, Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)



**DATU HAJI ISMAWI HAJI ISMUNI**  
Pengarah, Unit Perancang Negeri, Sabah

# Pengurusan

---



**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**DATUK PHANG AH TONG**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif I



**DATUK N. RAJENDRAN**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif II



**DATO' WAN HASHIM  
WAN JUSOH**  
Pengarah Eksekutif Kanan,  
Perancangan Strategik &  
Ekosistem Pelaburan



**DR. AMIR ROSLAN ABU BAKAR**  
Pengarah Kanan, Pejabat  
Pengurusan Transformasi  
(hingga 15 Julai 2015)



**N. SANGARAN**  
Penasihat / Pengarah,  
Bahagian Pengurusan  
Transformasi (dari 17 Julai 2015)



**JASWANT SINGH**  
Pengarah Eksekutif,  
Ekosistem Pelaburan



**MOHAMED ZUHARI  
MOHAMED NOR**  
Pengarah Eksekutif,  
Khidmat Pengurusan

Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkilangan  
(Sumber)  
(hingga 17 Februari 2015)



**AZIAN MOHD YUSOF**  
Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkhidmatan  
(O&G, KPH, CTEM)



**ZABIDI HJ. MAHBAR**  
Pengarah Eksekutif,  
Perancangan Strategik



**AHMAD KHAIRUDDIN  
ABDUL RAHIM**  
Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkilangan  
(Sumber) (dari 15 Mei 2015)



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**  
Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkilangan  
(Bukan Sumber)

Pengarah Eksekutif,  
Penggalakan Pelaburan  
(hingga 14 Mei 2015)



**LIM BEE VIAN**  
Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkhidmatan  
(RESC, R&DBS)



**ARHAM ABDUL RAHMAN**  
Pengarah Eksekutif,  
Penggalakan Pelaburan (dari 1  
Mei 2015)

Pengarah, Bahagian Koordinasi  
Pelaburan Asing  
(hingga 30 April 2015)

## PENGURUSAN

---



**INON ABDUL HAMID**  
Pengarah, Bahagian  
Elektrikal dan Elektronik



**TENG YIT CHAN**  
Pengarah, Penjagaan Kesihatan,  
Pendidikan & Hospitaliti  
(hingga 16 Februari 2015)



**MOHD RASLI MUDA**  
Pengarah, Teknologi Makanan  
& Sumber Lestari



**TAN CHEE CHAI**  
Penasihat, Bahagian  
Logam dan Industri Fabrikasi  
(dari 3 Ogos 2015)

Pengarah, Bahagian  
Logam dan Industri Fabrikasi  
(hingga 2 Ogos 2015)

---



**YEE NAI TUCK**  
Pengarah, Bahagian Teknologi  
& Bisnes Frontier



**MOHD ZUKEPLI HJ. EMBONG**  
Pengarah, Bahagian  
Pelaburan Tempatan



**HAFIZAH SHAHAR**  
Pengarah, Bahagian Khidmat  
Sokongan



**JASBIR KAUR  
A/P BACHAN SINGH**  
Pengarah, Bahagian Teknologi  
Pengangkutan  
(dari 15 September 2015)

Pengarah, Bahagian Tarif  
(hingga 14 September 2015)

---



**FARIDAH ABDULLAH**  
Pengarah, Bahagian Jentera &  
Logam (dari 3 Ogos 2015)



**CHOO WAI MENG**  
Pengarah, Bahagian Statistik  
Pelaburan



**SHAHROL SHAHABUDDIN**  
Pengarah, Pejabat  
Penyeragaman dan Penyelarasian  
Insentif (ICCO)(dari 15 April 2015)



**ROESLINA ABBAS**  
Pengarah,  
Pengarah, Bahagian Penubuhan  
Serantau & Pengurusan  
Rantaian Bekalan



**M. UMARANI**  
Pengarah, Bahagian Kimia &  
Bahan Termaju



**RASHIDAH OTMAN**  
Pengarah, Bahagian  
Perancangan Strategik &  
Advokasi Dasar



**BALKISH MOHD YASIN**  
Pengarah, Bahagian  
Perkhidmatan Minyak & Gas



**ZUAIDA ABDULLAH**  
Pengarah, Bahagian Teknologi  
Bersih & Pengurusan  
Persekitaran (dari 18 Ogos 2014)

## PENGURUSAN

---



**WAN HASHIMAH WAN SALLEH**  
Pengarah, Penjagaan Kesihatan,  
Pendidikan & Hospitaliti  
(dari 1 April 2015)

Pengarah, Teknologi Bangunan  
& Gaya Hidup (dari 31 Mac 2015)



**ZALINA ZAINOL**  
Pengarah, Bahagian Maklumat &  
Komunikasi (dari 3 Ogos 2015)

Pengarah, Bahagian Komunikasi  
Pelaburan (dari 1 Julai 2014)



**MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR**  
Pengarah, Bahagian  
Pengurusan Talent Industri



**NORMI ALIAS**  
Pengarah, Bahagian Pengurusan  
Sumber Manusia



**RAMLI BAKAR**  
Pengarah, Bahagian Tarif  
(dari 15 September 2015)

Pengarah, Bahagian Teknologi  
Pengangkutan  
(hingga 14 September 2015)



**NOR 'AINI MAT TALHA**  
Pengarah, Sekretariat Pelaburan  
Nasional (dari 15 April 2015)

Pengarah, Bahagian Pematuhan  
dan Pemantauan Pelesenan dan  
Galakan (hingga 14 April 2015)



**AHMAD TAJUDIN OMAR**  
Pengarah, Bahagian Sains Hayat  
dan Teknologi Perubatan



**NOOR AIEDA AHMAD**  
Pengarah R&D & Perkhidmatan  
Bisnes (dari 1 Mei 2015)

Timbalan Pengarah Kanan, R&D  
& Perkhidmatan Bisnes  
(hingga 30 April 2015)



**NAJIHAH ABAS**  
Pengarah, Teknologi Bangunan  
& Gaya Hidup (dari 1 April 2015)

Pengarah MIDA London  
(hingga 31 Mac 2015)



**ZAINI ISHAK**  
Pengarah, Bahagian  
Pengurusan Kewangan



**FAUZIAH ADAM**  
Pengarah, Bahagian  
Pembangunan Sistem  
Teknologi Maklumat



**HASLIDAH JAAFAR**  
Ketua Pustakawan, Pusat  
Sumber (hingga 3 Ogos 2015)



**ZURAIDEH OTHMAN**  
Ketua Bahagian, Bahagian  
Pematuhan dan Pemantauan  
Pelesenan dan Galakan  
(dari 15 April 2015)



**ROZIYAH KASSIM**  
Ketua Unit, Bahagian  
Pengurusan Korporat  
(dari 3 Ogos 2015)




**MEGAT FAIZAL  
MOHAMAD ZABRI**  
Ketua Unit, Audit Dalaman  
(dari 1 Jun 2015)



**NADIA ZAINAL AZMIAN**  
Ketua Unit, Perundangan dan  
Hubungan Kerajaan  
(hingga 22 November 2015)

# Struktur Organisasi

Carta Organisasi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pada 31 Disember 2015)





## MENEMPA JEJAK TANDA

MIDA merupakan agensi utama Malaysia yang berkhidmat untuk mempromosikan pelaburan bagi merealisasikan agenda pembangunan ekonomi negara



# Lembaga dan Fungsinya

**L**embaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

Dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyaliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada tahun 2011, Akta tersebut dipinda dan diberi nama baharu Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 dengan pelancaran Model Baru Ekonomi (*New Economic Model*, NEM). Menurut Akta MIDA, fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
  - » pemberian lesen pengilang;
  - » insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
  - » jawatan pegawai dagang;
  - » mengena atau memotong dan mengecuali daripada duti kastam; dan
  - » kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain;
- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;
- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitannya (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesyoran bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.

-GROWTH-





## **SEDIA, MULA, BERCAMBAH**

---

Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan utama bagi pelabur walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar dan sektor perkhidmatan menjadi enjin utama pertumbuhan negara

# Sedia, Mula, Bercambah


Malaysia tetap cemerlang melangkaui jangkauan dengan mengekalkan kekuatan terasnya sebagai destinasi utama FDI dan menarik pelaburan berjumlah RM186.7 bilion pada tahun 2015 walaupun pasca ekonomi global menggambarkan iklim pelaburan berisiko secara keseluruhan di seluruh dunia

Bberapa faktor seperti harga komoditi yang rendah pasca krisis global, aliran modal yang rendah dan perdagangan global yang kurang rancak memperlambangkan pertumbuhan global kepada 2.4 peratus pada 2015 berbanding 2.6 peratus pada 2014. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, pelabur di seluruh dunia masih berminat mencari peluang pelaburan. Ini terbukti dengan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) pada tahun 2015 yang meningkat sebanyak 36 peratus kepada kira-kira AS\$1.7 trillion, pencapaian tahap tertinggi yang membanggakan semenjak tahun 2007. Aktiviti peng gabungan dan pengambilalihan yang merentas sempadan membentuk sebahagian besar daripada pembangunan ini, manakala sebahagian kecil sumbangan adalah daripada projek-projek pelaburan *greenfield* (baharu).

Kedudukan Asia yang kukuh sebagai rantau yang kondusif untuk aliran masuk FDI tidak dapat didangkal apabila mampu menarik perhatian pelabur dengan pencapaian pelaburan AS\$548 bilion, peningkatan mantap sebanyak 15 peratus berbanding tahun lepas. Pelaburan ke dalam rantau ini diterajui oleh Wilayah Pentadbiran Khas Republik Rakyat China: Hong Kong (HKSAR) dengan aliran masuk FDI sebanyak AS\$163 bilion, sekali gus menjadikannya berada di tempat kedua selepas Amerika Syarikat (AS) dalam kedudukan FDI global. Secara keseluruhannya, aliran masuk FDI menurun sebanyak tujuh peratus untuk Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), dengan Singapura sebagai destinasi pelaburan ASEAN yang terkemuka, mengalami penurunan sebanyak empat peratus kepada kira-kira AS\$65 bilion.

## Aliran Masuk FDI Global

Peng gabungan dan pengambilalihan (M&A) antarabangsa menyumbang kepada kenaikan 36% aliran masuk FDI global, iaitu sebanyak AS\$1.7 trillion ke negara-negara maju.



Dalam konteks ini, Malaysia tetap mengekalkan kedudukan baik dengan menarik minat pelaburan swasta berjumlah RM186.7 bilion. Pelaburan swasta direalisasi yang diukur daripada aspek Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) adalah berjumlah RM198.7 bilion. Prestasi cemerlang ini melepas sasaran purata pelaburan tahunan sebanyak RM148 bilion yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Pelaburan Langsung Domestik (DDI) menyumbang kepada RM150.6 bilion, 80.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala RM36.1 bilion atau 19.3 peratus adalah daripada FDI. Perkara ini selaras dengan sasaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menyarankan supaya pelaburan domestik menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan sektor swasta menjelang tahun 2020. Menyedari kepentingan pelabur tempatan, Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) melaksanakan langkah proaktif dengan menyediakan geran kepada syarikat tempatan untuk menyokong dan mengekalkan latihan, penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti teknologi pengambilalihan. Pemberian geran tersebut turut memajukan ekosistem domestik berdasarkan pengetahuan dan inovasi yang lebih mampan. Sehingga 31 Disember 2015, geran DISF telah diluluskan untuk 196 projek berjumlah RM8.2 bilion. Projek-projek ini terdiri daripada projek industri jentera dan kejuruteraan termaju, elektrikal dan elektronik, pengangkutan serta sains hayat. Prestasi pelaburan negara didorong oleh pelaburan dalam Bidang


Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah ETP, yang terdiri daripada RM113.8 bilion atau 60.9 peratus daripada jumlah pelaburan. Sementara itu, projek-projek bukan NKEA pula membentuk RM72.9 bilion daripada jumlah pelaburan.

## Sektor Perkhidmatan Sebagai Penggerak

Sektor perkhidmatan Malaysia kekal kukuh sebagai enjin pertumbuhan negara, mencerminkan trend keseluruhan revolusi perkhidmatan global, memandangkan sektor perkhidmatan cenderung untuk membentuk sebahagian besar ekonomi sesebuah negara dalam merealisasikan visi menuju ke arah sebuah negara maju. Sejumlah 4,150 projek diluluskan untuk sektor perkhidmatan dengan pelaburan berjumlah RM108.2 bilion pada tahun 2015, mewakili 57.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Permintaan dalam negeri terus mendorong sektor perkhidmatan negara dengan DDI sektor perkhidmatan berjumlah RM95.8 bilion manakala FDI berjumlah RM12.4 bilion. Projek-projek ini dijangka membuka 112,194 peluang pekerjaan baharu. Subsektor harta tanah membentuk bahagian terbesar dengan RM26.9 bilion pelaburan yang diluluskan, diikuti sektor pengangkutan (terdiri daripada aktiviti pengangkutan maritim, penerbangan, pembinaan lebuh raya dan penyelenggaraan) dengan RM15.9 bilion, perkhidmatan kewangan dengan RM15.4 bilion, utiliti dengan RM11.7 bilion dan pertubuhan global dengan RM8.2 bilion.

### Jumlah Pelaburan yang Diluluskan - (Sektor)

*Sektor Perkhidmatan terus mendahului dengan jumlah pelaburan sebanyak RM108.2 bilion.*



Sektor perkhidmatan kekal sebagai mercu tanda untuk para pelabur kerana akses strategik kedudukan Malaysia yang terletak di persimpangan Asia. Hubungan rantaian bekalan Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain, dasar perdagangan yang mesra perniagaan, infrastruktur bertaraf dunia dan tenaga kerja berpendidikan berjaya meningkatkan status Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang dicemburui. Dalam Laporan Daya Saing Global WEF 2015-2016, Malaysia berada di tempat ke-18 daripada 140 negara disebabkan oleh kelebihan infrastruktur, melangkui kedudukan Australia, China, Thailand, Filipina dan India. Pembangunan perjanjian perdagangan bebas seperti Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjanjikan peluang pelaburan baharu dalam sektor perkhidmatan di rantau ini. Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS) turut merangsang aliran bebas sektor perkhidmatan yang diimpikan AEC.

Kerajaan Malaysia tetap berdedikasi memupuk sektor perkhidmatan melalui liberalisasi progresif pelbagai subsektor tersebut. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang menumpukan kepada perkhidmatan berpengetahuan intensif, pekerjaan berpendapatan tinggi dan berkemahiran tinggi, pembaharuan terhadap tadbir urus sektor serta pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan tempatan dalam membantu mereka untuk pasaran eksport. Perkhidmatan moden bakal mendapat perhatian sepenuhnya dalam bahagian subsektor dengan intensiti pengetahuan tinggi seperti perkhidmatan kewangan, ICT, perkhidmatan minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, pelancongan, industri halal, perdagangan borong dan runcit, pembinaan dan perkhidmatan profesional.

Sejumlah 3,683 projek **penubuhan global** telah diluluskan sehingga Disember 2015. Sebahagian besar daripada projek-projek ini terdiri daripada 2,042 pejabat perwakilan (RE) dan 1,035 pejabat serantau (RO). 271 ibu pejabat operasi (OHQ), 252 pusat pemerolehan antarabangsa (IPC), 32 hab operasi global (GOHs), 35 pusat pengedaran serantau (RDC), 10 pusat pengurusan perbendaharaan (TMCs) dan enam hab prinsipal (PHS) menyumbang kepada baki projek tersebut.

Tahun 2015 merupakan tahun yang menarik dengan kelulusan untuk empat projek GOH dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion dan menyediakan 1,655 peluang pekerjaan baharu. Pencapaian ini membuktikan bahawa Malaysia kekal sebagai destinasi yang perlu dituju untuk syarikat multinasional (MNC) dan konglomerat tempatan

yang ingin bertapak di rantau Asia Pasifik. Lebih bermakna lagi, pencapaian ini berjaya memecahkan rekod dengan 17 OHQ diluluskan pada tahun 2015 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.7 bilion dan mewujudkan 1,251 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Dua RDC diluluskan pada tahun 2015, melibatkan pelaburan berjumlah RM238.9 juta daripada organisasi di Singapura dan Belanda. Projek-projek ini turut dijangka menjana jumlah perolehan jualan tahunan sebanyak RM616.8 juta dan turut membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Selain itu, sebanyak sembilan IPC diberikan kelulusan pada tahun yang sama, berbanding dengan enam IPC pada tahun 2014. Pusat-pusat ini berjaya menarik pelaburan sebanyak RM1.01 bilion, peningkatan 60 peratus berbanding jumlah RM394.4 juta pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014. Projek-projek ini akan mewujudkan 250 peluang pekerjaan, terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan tenaga mahir.

Pada bulan Mei 2015, insentif cukai hab prinsipal telah diperkenalkan dan skim ini mensasarkan syarikat multinasional yang ingin menujuhkan atau melebarkan sayap mereka di ASEAN atau rantau Asia Pasifik. Semenjak pelaksanaan insentif PH, enam projek PH telah diluluskan daripada syarikat multinasional utama dalam industri elektronik, aeroangkasa, komoditi (pulpa & kertas, minyak sawit) dan F&B. Jumlah pelaburan bagi projek-projek ini adalah RM1.3 bilion dan berpotensi mewujudkan 320 pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat Malaysia.

Nilai pelaburan dua projek TMC yang diluluskan pada tahun 2015 berjumlah RM114.7 juta berbanding RM120.3 juta pada tahun 2014. Sementara itu, sebanyak 116 RO/RE baharu turut menerima pelaburan berjumlah RM146.5 juta, menghasilkan peluang pekerjaan untuk 229 rakyat Malaysia. Daripada jumlah ini, 67 projek (57.8%) adalah projek RE manakala 49 projek (42.2%) adalah projek RO.

Pada tahun 2015, insentif Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) telah diluluskan untuk 12 syarikat, dengan pelaburan berjumlah RM724.5 juta. Sebanyak 791 rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh projek-projek ini. Di samping itu, 19 syarikat telah diberikan status ILS Antarabangsa pada tahun 2015, dan daripada jumlah itu, lapan syarikat adalah syarikat tempatan. Kelulusan ini adalah satu langkah tepat dalam membangunkan industri logistik Malaysia yang mempunyai peranan penting dalam ekosistem perkilangan.

## Industri Penyumbang Tenaga

Malaysia telah meramalkan kepentingan tenaga hijau dalam mencapai pertumbuhan mesra alam, mendahului Perjanjian Paris bersejarah mengenai perubahan iklim yang ditandatangani pada tahun 2015. Selaras dengan dasar tenaga hijau di negara ini, **tenaga boleh diperbaharui** telah mendapat pengiktirafan sebagai pengganti bahan api, sebahagian daripada usaha ini adalah melalui skim Tarif Galakan (*Feed-in-Tariff*) yang menarik. Sebanyak 128 projek tenaga boleh diperbaharui dengan pelaburan berjumlah RM1.37 bilion telah diluluskan. Pelaburan domestik terdiri daripada RM1.35 bilion (98.3%) manakala pelaburan asing berjumlah RM23.3 juta (1.75%). Pada tahun 2015, sektor ini menyaksikan kelulusan 84 projek tenaga solar bernilai RM489.7 juta dan 44 projek tenaga lain dalam biojisim, biogas dan mini-hidro bernilai RM887.2 juta. Aspek penting projek-projek ini – selain daripada jangkaan kewujudan 918 peluang pekerjaan – termasuk projek mini hidro RM274.1 juta di Machang, Kelantan yang berpotensi untuk membekalkan tenaga kepada 20,000 rumah kediaman dan projek RM170 juta untuk menukar-

sisa kilang minyak sawit (POME) kepada gas metana di beberapa ladang FELDA.

Sejumlah 31 projek **kecekapan dan pemuliharaan tenaga** berjaya meraih pelaburan sebanyak RM406.5 juta. Syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO) bertanggungjawab terhadap lima projek ini, manakala 26 projek lagi (yang bakal beroperasi) adalah daripada subsektor seperti perkilangan, perdagangan dan hospitaliti. Kira-kira 80 peratus daripada pelaburan ke dalam industri ini terdiri daripada sumber tempatan dan projek-projek ini dijangka menjana sebanyak 183 peluang pekerjaan. Insentif Teknologi Hijau di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 menjemput pelaburan dalam bidang utama seperti tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga, bangunan hijau, pengurusan sisa secara bersepadu, perkhidmatan kenderaan elektrik dan perkhidmatan sokongan hijau.

Sebanyak RM10 juta dilaburkan dalam satu projek untuk aktiviti pemulihan dan kitar semula yang bersepadu pada tahun 2015. Kemudahan pemulihan bahan yang terletak di Pulau Pinang akan membantu mengurangkan sisa tapak pelupusan dan dijangka dapat menghasilkan barang-barang kitar semula untuk industri.

**Sebanyak 128 projek tenaga boleh diperbaharui dengan pelaburan berjumlah RM1.37 bilion telah diluluskan.**



Satu projek pusat membeli-belah premium baru dengan pelaburan domestik sebanyak RM222 juta telah diluluskan pada tahun 2015. Projek ini bukan sahaja merupakan outlet premium pertama yang akan ditempatkan di kawasan utara Malaysia tetapi juga akan membuka peluang pekerjaan kepada lebih 900 rakyat Malaysia di dalam industri peruncitan.

Pada tahun 2015, sejumlah RM84.3 juta turut dilaburkan dalam lima projek khusus **penyelidikan dan pembangunan (R&D)** di Malaysia. Daripada jumlah ini, RM20.5 juta (24.3%) adalah daripada sumber asing manakala RM63.8 juta (75.7%) adalah daripada sumber domestik. Projek-projek ini dijangka

menjana 61 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan membantu untuk memposisikan Malaysia sebagai hab aktiviti berteknologi tinggi.

MIDA merintis 13 projek yang mencatatkan RM203.7 juta dalam subsektor **penghasilan minyak dan gas** pada tahun 2015. Digabungkan, projek-projek ini dijangka mewujudkan 542 peluang pekerjaan. Dalam subsektor perkhidmatan minyak dan gas, tiga projek berjumlah RM84.3 juta telah diluluskan, yang membuka 91 peluang pekerjaan. Projek yang diluluskan melibatkan perkhidmatan navigasi dan geologi, ujian bukan pemusnah (NDT), reka bentuk kejuruteraan serta kerja-kerja pengubahsuaian, pembaikan dan pemulihan jentera dan peralatan.

**Pada tahun 2015 dengan 118 projek yang menyumbang pelaburan sebanyak RM5.4 bilion. Sebahagian besar pelaburan (91.1%) adalah daripada sumber domestik.**



Sepanjang tahun 2015, tiga syarikat dalam subsektor perkhidmatan minyak dan gas dengan potensi pelaburan sebanyak RM3.7 bilion telah diluluskan dan pelaburan ini dijangka menghasilkan 812 peluang pekerjaan.

## Membina Reputasi Kecemerlangan

Subsektor **hotel dan pelancongan** mencatatkan kadar pertumbuhan pada tahun 2015 dengan 118 projek yang menyumbang pelaburan sebanyak RM5.4 bilion. Sebahagian besar pelaburan (91.1%) adalah daripada sumber domestik. Antara projek pelancongan yang bakal diwujudkan adalah taman tema animasi antarabangsa yang akan menampilkan watak-watak DreamWorks Animation serta persembahan kereta dan motosikal lagak ngeri yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara bertempat di arena dengan kapasiti 2,000 tempat duduk. Taman tema ini dijangka akan mewujudkan lebih 500 peluang pekerjaan apabila siap dibina di kemudian hari.

Dalam subsektor **pendidikan**, sebanyak 621 projek telah diluluskan termasuk projek baharu dan projek pembesaran dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion. Pelaburan domestik membentuk 71.8 peratus manakala baki 28.2 peratus adalah daripada pelaburan asing. Sebahagian besar pelaburan adalah untuk 22 projek kolej/universiti swasta bernilai RM607.1 juta. Pelaburan berjumlah RM318.8 juta adalah untuk 61 projek pusat kemahiran, manakala institusi pendidikan swasta yang lain, kebanyakannya tadika dan pusat pengayaan, membentuk baki RM609 juta dalam pelaburan yang diluluskan.

Sejumlah RM428 juta telah dilaburkan untuk sebuah sekolah antarabangsa di bawah Raffles American School di Wilayah Iskandar Malaysia, yang akan mewujudkan 89 peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan dan menyokong matlamat negara untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan.



Subsektor **penjagaan kesihatan** swasta bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan Malaysia, yang berjaya mengharumkan nama negara sebagai sebuah destinasi pelancongan kesihatan dan perubatan, dengan sejumlah 26 projek telah

diluluskan pada tahun 2015 berjumlah RM3.68 bilion dan daripada jumlah itu, RM3.67 bilion adalah daripada sumber domestik. Pelaburan ini termasuk Pusat Kecemerlangan (COE) jantung dan vaskular bebas yang akan mewujudkan 300 peluang pekerjaan termasuk 230 jawatan mahir dan separa mahir, dan akan membantu menggilap reputasi Malaysia sebagai pemimpin yang disegani di Asia dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan jantung.

**Status MSC** telah diberikan kepada 249 syarikat dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, RM2.5 bilion adalah daripada pelaburan domestik manakala RM2.1 bilion daripada pelaburan asing. Secara kolektif, pelaburan ini dijangka menghasilkan 12,853 peluang pekerjaan baharu. Sebanyak 33 syarikat yang diluluskan akan menjalankan aktiviti multimedia kreatif dengan pelaburan bernilai RM191 juta, 75 syarikat akan menyediakan perkhidmatan perniagaan global dengan pelaburan bernilai RM2.64 bilion, enam terdiri daripada institusi pengajian tinggi dan inkubator dengan pelaburan bernilai RM66.6 juta, satu adalah syarikat inkubator dengan pelaburan bernilai RM1.8 juta dan 134 syarikat teknologi maklumat dengan pelaburan bernilai RM1.67 bilion.



## Asas Infrastruktur

Dalam sektor **hartanah** yang merangkumi subsektor perumahan (tidak termasuk bangunan komersial), sejumlah 911 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM26.9 bilion telah diluluskan dan hampir kesemuanya terdiri daripada sumber domestik. Menurut Persatuan Hartanah dan Pemaju Perumahan (REHDA), aktiviti dalam subsektor kediaman terjejas oleh sentimen berjaga-jaga di kalangan pemaju perumahan, kesan daripada persekitaran yang mencabar pada tahun 2015.

Pada tahun 2015, sejumlah 57 projek bernilai RM15.98 bilion telah diluluskan dalam subsektor **pengangkutan**, merangkumi aktiviti pengangkutan maritim, penerangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya. Pelaburan domestik berjumlah RM15.86 bilion menyumbang sebahagian besar daripada jumlah itu, manakala pelaburan asing

berjumlah RM125.4 juta. Projek-projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 513 peluang pekerjaan. Sektor maritim memberikan sumbangan terbesar dengan 21 projek bernilai RM2.2 bilion, manakala 33 projek diluluskan dalam subsektor penerbangan dengan pelaburan sebanyak RM1.27 bilion.

Pelaburan domestik membantu pertumbuhan subsektor **utiliti**, yang terdiri daripada tenaga dan air. Sejumlah RM11.7 bilion telah dilaburkan untuk subsektor ini pada tahun 2015.

Subsektor **telekomunikasi** terdiri daripada kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), aktiviti pos dan penyiaran. Pada tahun 2015, RM2.9 bilion pelaburan dalam subsektor ini telah diluluskan dan keseluruhan jumlah terdiri daripada sumber domestik.

Subsektor **perkhidmatan kewangan** meliputi perbankan (konvensional, Islam dan luar pesisir), insurans (konvensional, Islam dan luar pesisir) dan pasaran modal (pengurusan dana, penasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal urus niaga dan pemberkutan). Galakan diberikan terhadap subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM15.3 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, pelaburan domestik berjumlah RM14.1 bilion manakala bakinya terdiri daripada pelaburan asing. RM13.8 bilion pelaburan disuntik kepada aktiviti perbankan konvensional, pelaburan perbankan Islam bernilai sebanyak RM1.1 bilion manakala pelaburan

perbankan luar pesisir berjaya menarik RM81.6 juta. Pelaburan di subsektor insurans pula berjumlah RM341.7 juta manakala pasaran modal turut menerima pelaburan sejumlah RM6 juta.

**Perdagangan Peragihan** terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, aktiviti pasar raya besar/pasar raya (*hypermarket/supermarket*) dan gedung membeli-belah, serta aktiviti jualan langsung dan *francais*. Ini termasuk projek-projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (PDA), 1974. Pada tahun 2015, sebanyak 1,317 projek dengan pelaburan bernilai RM6.8 bilion telah diluluskan. Pelaburan domestik membentuk RM4.2 bilion daripada jumlah ini, manakala aliran masuk asing menyumbang baki RM2.6 bilion. Pelaburan ini dijangka mewujudkan sebanyak 72,349 peluang pekerjaan.


## Tinjauan

Pelaburan swasta dalam sektor perkhidmatan mengurangkan pergantungan Malaysia terhadap sektor minyak dan gas asli. Keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengekspor Petroleum (OPEC) untuk membiarkan pengeluaran minyak tidak dikawal turut melemahkan sektor ini dan mengakibatkan penurunan harga minyak mentah.

Pergolakan ekonomi global akibat krisis zon Euro dan pengukuhan dolar Amerika meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang unik sebagai destinasi keenam yang paling menarik untuk pelabur asing.

### Jumlah Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkhidmatan - (Industri)

*Hartanah, Pengangkutan dan Perkhidmatan Kewangan adalah sub-sektor utama.*



\*angka dalam RM bilion

Ditambah pula dengan usaha pemerkasaan Kerajaan kepada sektor swasta untuk melaksanakan dasar kerajaan, Gabungan Penyedia Perkhidmatan Malaysia (MSPC) mampu melaksanakan dasar-dasar yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Perkhidmatan, termasuk strategi pengantarabangsaan yang telah memberikan hasil RM12.4 bilion pelaburan asing ke dalam sektor perkhidmatan.

Bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan sektor perkhidmatan, kerajaan akan terus menggalakkan potensi sektor ini dan mengubahnya untuk menjadi lebih berpengetahuan intensif dan berasaskan inovasi. Pejabat Penyeragaman dan Penyalarasaran Insentif (ICCO) yang baru ditubuhkan akan memudahkan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan dengan memusatkan maklumat penawaran insentif dan mendorong keterbukaan antara agensi. Pejabat tersebut turut berfungsi untuk menasihati Kerajaan mengenai skop insentif serta membantu dalam pemantauan dan penilaian.

Liberalisasi perdagangan yang progresif dalam ASEAN di bawah kepimpinan semasa Malaysia yang meliputi 128 subsektor melalui Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS), akan meningkatkan lagi sumbangan sektor perkhidmatan kepada keluaran

dalam negara kasar di rantau ini. Pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang dipercepatkan daripada tahun 2020 kepada tahun 2015, dianggarkan mempunyai KDNK kolektif bernilai AS\$2.6 trillion, dengan tenaga kerja lebih 622 juta orang.

Kerajaan Malaysia turut melaksanakan peranannya untuk memastikan hasrat negara tercapai dengan memungkinkan pertumbuhan sektor perkhidmatan Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM300 juta dalam tempoh enam tahun.

---







## PERSEKITARAN KONDUSIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN

Sektor perkilangan mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2015 dan keyakinan pelabur tetap dibajai dengan sentimen yang memandang Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan stabil

# Persekutaran Kondusif bagi Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2015 walaupun dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan berisiko. Keyakinan pelabur tetap dibajai dengan sentimen yang memandang Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan stabil disebabkan oleh asas ekonomi negara yang menggalakkan. Kewujudan modal insan yang berkebolehan, peraturan yang mesra perniagaan, infrastruktur perindustrian yang menyeluruh, telekomunikasi moden serta perkhidmatan kewangan dan perbankan yang menyeluruh menjadikan Malaysia sebagai tapak yang baik untuk pelabur asing dan tempatan

**K**emunculan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada Disember 2015 mendesak pencarian lokasi yang sesuai untuk operasi perkilangan di rantau ini. Pada tahun 2015, pelaburan berjumlah RM74.7 bilion diluluskan untuk 680 projek perkilangan baharu, berbanding RM71.9 bilion yang diluluskan dalam tempoh yang sama pada tahun 2014.

Pelabur asing turut memanfaatkan persekitaran pelaburan yang positif dengan menyumbang RM21.9 bilion atau 29.3 peratus dalam sektor perkilangan. Sumber utama FDI sektor perkilangan terdiri daripada Amerika Syarikat (RM4.2 bilion), Jepun (RM4.0 bilion) dan Hong Kong (RM3.2 bilion). Secara keseluruhannya, pelabur-pelabur negara ini menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan. China menyumbang RM1.9 bilion pada tahun 2015 berbanding dengan RM4.7 bilion pada tahun 2014, manakala Singapura menyumbang RM1.4 bilion pada tahun 2015, walaupun terdapat penurunan yang ketara daripada RM7.8 bilion pada tahun 2014. Sementara itu, pelaburan perkilangan tempatan melonjak naik kepada RM52.8 bilion, atau 70.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2015, dengan kenaikan 63.5 peratus tahun ini berbanding RM32.3 bilion pada tahun 2014.

Jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan (RM74.7 bilion) menunjukkan perkembangan positif apabila melebihi sasaran tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga 2006-2020. Terdapat 384 projek baharu bernilai RM60.2 bilion yang diluluskan pada tahun 2015, projek-projek ini menyumbang 80.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala 296 projek pembesaran dan pelbagaiyan yang bernilai RM14.5 bilion, membentuk baki 19.4 peratus. Sebahagian besar pelaburan adalah untuk produk petroleum termasuk petrokimia (36%), gas asli

(14%), barang elektrik dan elektronik (12%), kelengkapan pengangkutan (9%) dan produk galian bukan logam (5%).


Pelaburan dalam sektor perkilangan terus menjadi sumber penting pekerjaan bagi rakyat Malaysia berkemahiran dan berpendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia. Projek sektor perkilangan yang diluluskan pada tahun 2015 dijangka menyediakan 66,494 peluang pekerjaan yang terdiri daripada 36.4 peratus (24,178) dalam kategori Pengurusan, Teknikal, Penyeliaan dan Pekerja Mahir (MTSS), manakala 63.6 peratus (42,316) adalah dalam kategori pekerja berkemahiran.

Keamatan modal untuk projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2015 berdasarkan nisbah pelaburan modal untuk setiap pekerja (CIPE) adalah RM1,123,206. Industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi ialah industri gas asli (RM81,333,125), diikuti oleh produk petroleum termasuk petrokimia (RM14,495,080), produk kelengkapan pengangkutan (RM2,414,287) serta kimia dan produk kimia (RM1,136,068). Nisbah CIPE projek sektor perkilangan menunjukkan peningkatan semenjak tahun 1990, yang menandakan arah aliran yang semakin meningkat ke arah projek berintensif modal, nilai ditambah dan berteknologi tinggi.

Bidang ekonomi utama negara (NKEA) **industri elektrik dan elektronik** (E&E) bertujuan menyokong subsektor industri E&E yang berpotensi tinggi seperti semikonduktor, diod pemancar cahaya (LED), solar dan elektronik perindustrian, dan dijangka menyumbang RM90.1 bilion kepada PNK Malaysia serta membuka 157,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Untuk memastikan matlamat ini dapat direalisasikan, sebanyak 93 projek E&E dengan pelaburan sebanyak RM8.9 bilion diluluskan pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, sebanyak 26 adalah projek baharu dengan pelaburan bernilai

## Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkilangan - Sumber FDI

Amerika Syarikat, Jepun dan Hong Kong adalah sumber utama FDI yang menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.



RM2.1 bilion manakala 67 projek terdiri daripada projek pembesaran dan pelbagaian bernilai RM6.8 bilion. Pelaburan asing menyumbang sebahagian besar pelaburan yang berjumlah RM8.2 bilion (92%). Pelaburan domestik turut menyokong industri ini dengan nilai RM0.7 bilion yang membentuk lapan peratus daripada jumlah pelaburan akhir. Negara sumber utama FDI adalah Amerika Syarikat, China dan Jepun, yang memberi tumpuan kepada pelaburan dalam subsektor komponen elektronik.

Peralihan keterlibatan Malaysia dalam subsektor komponen elektronik menyaksikan tumpuan yang lebih tertuju kepada proses bahagian hadapan yang memacu kemajuan dalam bidang penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan. Ini akan membantu memberikan pendedahan industri dan pengetahuan yang meluas kepada jurutera elektronik Malaysia dalam bidang pembangunan produk dan teknologi baharu yang canggih. Antara projek utama dalam subsektor ini adalah termasuk projek pembesaran oleh syarikat milik pelabur asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2 bilion untuk menghasilkan pemacu cakera keras dan penulis cakera multimedia,

yang dijangka mewujudkan 8,559 peluang pekerjaan baharu. Selain itu, syarikat milik penuh tempatan turut melabur RM71 juta untuk penyediaan acuan di peringkat wafer untuk penghasilan litar bersepada fotonik (IC).

Salah satu projek pembesaran yang ketara oleh syarikat milik pelabur asing melibatkan pelaburan sebanyak RM567.8 juta bagi menghasilkan produk pencetak pelbagai fungsi, yang dijangka membuka 771 peluang pekerjaan dalam subsektor industri elektronik. Sementara itu, satu pelaburan penting yang diluluskan dalam subsektor elektrik termasuk projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM609 juta untuk penghasilan sel solar fotovoltan yang dijangka menjana 692 peluang pekerjaan; dan projek pembesaran dengan pelaburan sebanyak RM587 juta untuk membangunkan dan mengeluarkan jongkong silikon fotovoltan, wafer, sel-sel, modul dan filem nipis modul solar.

**Industri kelengkapan pengangkutan** terdiri daripada subsektor **automotif**, **aeroangkasa**, dan **pembinaan kapal dan pembalikan kapal**

## Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkilangan – (Industri)

Sebahagian besar pelaburan telah datang daripada Produk Petroleum, Gas Asli, E&E, Kelengkapan Pengangkutan dan Produk Mineral Bukan Logam.



(SBSR). Melihat kepada potensi dalam sektor ini, 55 projek telah diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan bernilai RM6.5 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, pelabur tempatan memberikan sokongan mantap dengan menyumbang sebanyak RM6.0 bilion (92.3%) manakala baki RM506 juta (7.7%) adalah dari pelabur asing. Subsektor aeroangkasa menyumbang 77 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala 22.3 peratus adalah daripada industri automobil dan 0.7 peratus adalah daripada industri pembinaan kapal. Ini memberikan jangkaan positif bahawa industri ini akan menyediakan 2,696 peluang pekerjaan tambahan berdasarkan jumlah pelaburan terhadap projek-projek yang diluluskan.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) mencatatkan sejumlah 614,664 unit kendaraan telah dihasilkan di Malaysia pada tahun 2015. Daripada jumlah itu, 563,883 adalah kendaraan penumpang manakala 50,781 adalah terdiri daripada kendaraan perdagangan. Pada tahun 2015, sejumlah 50 projek pelaburan bernilai RM1.45 bilion telah diluluskan untuk menjana industri automotif. Dasar Automotif Negara (NAP) yang menggariskan panduan untuk industri automotif, dijangka mendorong pengeluaran kendaraan kepada 1.35 juta unit pada tahun 2020 dan seterusnya, membentuk 10 peratus daripada KDNK negara.

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) telah mengenal pasti industri aeroangkasa sebagai industri yang memiliki kelebihan akibat kesalinghubungan

yang kukuh dengan subsektor lain dan dapat memberikan kesan yang berganda. Industri ini penting bagi pembangunan ekosistem aeroangkasa termasuk perkilangan, pembaikan, operasi (MRO); bahan komposit, serta bahagian dan komponen logam. Pembangunan hab aeroangkasa di Malaysia juga dijangka merangsang perusahaan kecil dan sederhana, yang membentuk sebahagian daripada rantaian bekalan dalam industri. Pada tahun 2030, industri aeroangkasa Malaysia disasarkan untuk menguasai bahagian pasaran yang besar dan menjadi pasaran terbesar aero-pengeluaran di Asia Tenggara dengan menjana RM55.2 bilion dalam pendapatan dan menggaji lebih daripada 32,000 rakyat tempatan dalam sektor pekerjaan berkemahiran tinggi.

Dalam industri SBSR, sebuah projek milik rakyat tempatan dengan pelaburan bernilai RM67.5 juta yang diluluskan pada 2015 dijangka menjana 60 pekerjaan baharu.

Sejajar dengan usaha mengembangkan serta mempelbagaikan ekonominya dalam aktiviti bernilai tinggi seperti pemprosesan semikonduktor bahagian hadapan, penghasilan peranti perubatan dan teknologi solar fotovoltan, kebergantungan Malaysia kepada **industri jentera dan kelengkapan** (M&E) semakin meningkat memandangkan hubungan industri ini dengan kebanyakan industri lain. MIDA menyelia kelulusan 97 projek M&E pada tahun 2015 dengan nilai sebanyak RM1.8 bilion. Terdapat 58 projek baharu dengan pelaburan bernilai RM1.4 bilion

(77.8%) serta 39 projek pembesaran dan pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM418.8 juta (22.2%). Sumber tempatan membentuk 53.5 peratus atau RM964 juta daripada nilai pelaburan ini, manakala sumber asing menyumbang 46.5 peratus atau RM838.5 juta. Sebanyak 4,428 peluang pekerjaan dalam industri M&E dijangka akan diwujudkan hasil daripada projek-projek ini. Sebahagian besar pelaburan dalam industri ini adalah dari industri M&E umum, modul, komponen dan subsektor bahagian/alat ganti dengan sejumlah 51 projek dengan pelaburan bernilai RM883.5 juta.

#### **Industri sokongan kejuruteraan Malaysia (ESI)**

adalah sebuah lagi industri sokongan utama dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang menyumbang kepada pertumbuhan negara. Disebabkan daya saing sektor perkilangan daripada negara dengan kos buruh rendah seperti Vietnam dan Myanmar, sektor ESI negara perlu mewujudkan kelebihan unik dengan membuka satu ruang pasaran berdasarkan pengeluaran rendah, bercampur tinggi yang memfokuskan reka bentuk dan pembangunan, berkualiti tinggi dan penghantaran barang yang tepat pada masanya. Sejumlah 45 projek ESI diluluskan pada tahun 2015 dengan pelaburan bernilai RM760.9 juta. Majoriti pelaburan adalah daripada sumber tempatan yang berjumlah RM525.4 (69%), manakala selebihnya adalah daripada FDI dengan jumlah RM235.5 juta (31%). Pelaburan-pelaburan ini mewujudkan sebanyak 2,669 peluang pekerjaan. Subsektor pemesinan menyumbang kepada pelaburan terbesar dengan 21 projek bernilai RM279.7 juta, diikuti oleh subsektor tuangan logam dengan tiga projek bernilai RM231.9 juta.

Projek menyerlah dalam industri ini termasuk projek usahasama baharu antara konglomerat Malaysia dan syarikat Jepun bernilai RM48.9 juta yang akan melibatkan pemindahan ilmu pengetahuan daripada rakan kongsi Jepun mengenai aktiviti R&D untuk acuan dan dai serta peralatan menyokong pembuatan untuk industri automotif. Sebuah syarikat tempatan akan menjalankan aktiviti pemesinan komposit, bahagian struktur dan komponen sebagai projek pembesaran dan pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM35.2 juta untuk industri aeroangkasa.

**Industri besi dan keluli** negara turut memainkan peranan sokongan yang penting dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Penggunaan keluli nyata (ASC) Malaysia adalah daripada produk jenis keluli panjang yang digunakan dalam sektor pembinaan dan menyumbang 69 peratus daripada jumlah penggunaan keluli di negara ini. ASC negara dijangka meningkat daripada 10.4 juta tan metrik pada tahun

2015 kepada 11 juta tan metrik pada tahun 2016. Cabaran yang dihadapi untuk mereka yang berada dalam Industri ini termasuk keluli berharga murah yang diimport daripada pasaran China dan kilang-kilang keluli tempatan yang beroperasi di bawah kapasiti. Kerajaan turut menyokong industri supaya menjadi lebih berdaya saing dengan memperkenalkan dasar untuk memudahkan penubuhan dan operasi syarikat tempatan, menawarkan pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan produk yang tidak dikeluarkan dalam negara, dan melaksanakan keperluan Sijil Kelulusan untuk mengelakkan produk substandard daripada memasuki pasaran Malaysia.

Pelabur asing turut tertarik dengan **industri produk logam asas** negara disebabkan oleh dasar liberal ke atas pemilikan ekuiti dan sokongan meningkat oleh kerajaan untuk projek mesra alam dan berteknologi tinggi, yang memberi kesan positif terhadap industri tersebut. Dipacu dengan hasrat kerajaan ke arah sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang 2020, kerajaan telah mengambil langkah-langkah aktif untuk mendorong syarikat-syarikat di dalam industri besi dan keluli beralih daripada teknologi berdasarkan sekerap kepada teknologi bahan mentah alternatif yang membolehkan pengeluaran keluli gred tinggi. Seterusnya, perkara ini akan menyokong industri perkilangan berteknologi tinggi seperti automotif, minyak dan gas, E&E dan jentera. Pada tahun 2015, sejumlah 59 projek telah diluluskan dalam industri produk logam asas dengan pelaburan sebanyak RM5.0 bilion. Daripada jumlah tersebut, 46 projek adalah untuk produk logam asas dan 13 projek adalah untuk logam fabrikasi, manakala pelaburan asing berjumlah RM2.9 bilion (58%) dan pelaburan domestik berjumlah RM1.8 bilion (42%). Projek-projek ini dijangka akan membuka peluang pekerjaan baharu untuk 5,654 orang.

Satu cabang industri besi dan keluli terdiri daripada **industri produk logam fabrikasi** yang menyokong industri minyak dan gas pesisir dan luar pantai, pembinaan bangunan dan infrastruktur awam, juga struktur peralatan dan fabrikasi komponen. Syarikat tempatan menyerlah dalam aktiviti fabrikasi keluli superstruktur untuk bangunan tinggi, jambatan, jejambat, pelabuhan dan lapangan terbang. Pada tahun 2015, sejumlah 13 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah kira-kira RM200 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM113 juta (57%), manakala pelaburan asing berjumlah RM86 juta (43%). Daripada jumlah ini 13 projek, 10 (bernilai RM143 juta) adalah projek baharu keseluruhannya, manakala baki tiga (bernilai RM56 juta) melibatkan pembesaran / pelbagai projek sedia ada. Projek-projek ini dijangka membuka 867 peluang pekerjaan baharu.



## Era Aeroangkasa

Rangka Tindakan Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 telah dilancarkan pada awal tahun 2015 di Pameran Maritim & Aeroangkasa Antarabangsa yang diadakan di Langkawi, Kedah. Pelan tindakan itu mengenal pasti pembuatan enjin aeroangkasa sebagai jurang utama yang mencabar keupayaan industri aeroangkasa Malaysia. Oleh itu, industri aeroangkasa ditetapkan oleh Kerajaan sebagai sektor strategik yang memiliki potensi pertumbuhan yang baik dalam program perindustrian dan pembangunan teknologi negara.

Kepentingan industri aeroangkasa diperkuatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia ke-11 yang merupakan pelan tindakan terakhir dalam perjalanan negara ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Industri ini memiliki potensi yang tinggi untuk pertumbuhan dengan kesalinghubungan yang kuat dengan subsektor lain dan juga pelbagai kesan berganda dalam sektor perkilangan. Memandangkan ini, industri aeroangkasa telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 3+2 pemangkin dan pertumbuhan dijangka bahawa pertumbuhan subsektor dapat memberi nafas baharu kepada industri perkilangan negara.

MIDA memainkan peranan aktif dalam membantu pertumbuhan industri aeroangkasa dengan bekerjasama dengan sebuah syarikat tempatan, UMW Holdings Bhd (UMW) dan Rolls Royce Ltd dari United Kingdom melalui perjanjian untuk menghasilkan serta memasang kelongsong kipas untuk enjin aero Rolls Royce. Melalui perjanjian ini, UMW akan menjadi pembekal tunggal enjin Trent 1000 dan Trent 7000 Rolls Royce. Peningkatan kecekapan bahan api dan pengurangan bunyi enjin Trent menjadikan engin-engin ini paling maju dalam teknologi enjin aero dan mengukuhkan kedudukan UMW untuk menjadi pembekal tahap satu bagi Rolls Royce di Asia Tenggara.

Kerjasama antara UMW dan Rolls Royce mengukuhkan sektor pengilangan aeroangkasa Malaysia dan juga menandakan peralihan sektor perkilangan ke arah pelbagai produk bernilai tinggi rumit.

Tahun 2015 turut menjadi saksi untuk kelulusan 13 projek bernilai RM37.4 bilion dalam **industri petroleum dan produk petrokimia**. Ini merupakan peningkatan sekali ganda yang memberangsangkan daripada RM15.9 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014. Pelaburan domestik terdiri daripada RM35.5 bilion (95%), membuktikan kejayaan inisiatif kerajaan untuk melonjakkan pelaburan domestik. Sesuatu yang positif daripada inisiatif ini adalah unjuran projek-projek tersebut bakal mewujudkan 1,989 peluang pekerjaan.

Komitmen kerajaan bersama dengan persekitaran pelaburan yang menarik dan permintaan masa hadapan menjanjikan harapan kepada industri minyak dan gas yang pada masa ini mengalami pertumbuhan yang kurang aktif. Modal pelaburan daripada projek yang diluluskan dijangka merangsang pertumbuhan dalam industri **petrokimia** negara, memangkinkan peningkatan produk petroleum premium dan bahan kimia khusus, mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan berintensif pengetahuan pada masa yang sama.

Salah satu pencapaian yang penting adalah kemajuan projek Penapisan dan Pembangunan Bersepadu Petrokimia (RAPID) PETRONAS di Pengerang, Johor. RAPID dianugerahkan Pakej Petrokimia: tiga Kejuruteraan, Perolehan, pakej Pembinaan dan Pentaulahan (EPCC) untuk Polipropilena (PP), Politelina Linear Berketumpatan Rendah (LLDPE), dan Etilena Oksida/Glikol Etilena (EO / EG).

Malaysia turut mengukuhkan kedudukan di dunia sebagai pembekal gas asli cecair (LNG) dengan kereta api LNG baharu, di mana kapasiti 25.7 juta tan metrik (MTPA) sedia ada di Kompleks PETRONAS LNG ditambah sebanyak 3.6 juta tan metrik setahun.

Salah satu industri terkemuka di Malaysia adalah **industri kimia dan bahan kimia**, yang terdiri daripada bahan kimia pertanian, gas industri, kimia bukan organik, cat, sabun, bahan pencuci dan kosmetik termasuk subsektor produk kimia lain. Industri ini mempertahankan kedudukannya sebagai penyumbang kedua terbesar eksport barang buatan Malaysia.

Industri kimia adalah saling berkait dengan kebanyakan sektor lain termasuk industri elektrik dan elektronik, automotif, farmaseutikal dan pembinaan. Pelbagai usaha sedang berjalan untuk mengurangkan kebergantungan industri ke atas bahan kimia mentah yang diimport. Ekosistem yang lebih menyeluruh akan memacu peningkatan kualiti dan meningkatkan masa pengeluaran. Industri kimia

perlu mengikuti perkembangan teknologi terkini, meningkatkan automasi, R&D dan tahap kecekapan dalam usaha untuk kekal berdaya saing dalam pasaran global.

Pada tahun 2015, 28 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM877.2 juta telah diluluskan, dengan 14 projek baharu (RM573.9 juta) dan 14 projek pembesaran dan pelbagai (RM303.3 juta). Pelaburan tempatan berjumlah RM221.4 juta (25.2%) manakala pelaburan asing berjumlah RM655.8 juta (74.8%). Projek-projek ini dijangka mewujudkan 1,326 peluang pekerjaan baharu.

Sebuah projek milik pelabur asing yang menyerlah pada tahun 2015 merupakan satu projek baharu mengeluarkan zeolit sintetik di Terengganu bernilai RM379 juta. Projek ini akan menyokong pembangunan kluster pelbagai industri lain, terutamanya industri automotif, bahan kimia dan petrokimia. Projek yang julung kali seumpamanya di Malaysia berpotensi membuka peluang pekerjaan kepada 87 orang dan 62 peratus daripadanya adalah pekerja di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan.

Pertumbuhan ketara dalam industri **produk plastik**, didorong terutamanya oleh bekalan sedia ada resin keluaran tempatan, sekali gus menjadikannya sebagai salah satu sektor industri yang paling mantap di negara ini. Pada tahun 2015, 43 projek yang diluluskan telah menyumbang sejumlah RM911 juta pelaburan. Daripada jumlah tersebut, 31 adalah projek baharu bernilai RM570.9 juta, manakala baki terdiri daripada projek pembesaran dan pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM340.1 juta, 22 projek adalah milik rakyat tempatan (RM364 juta), 11 projek adalah milik penuh asing (RM175.1 juta) manakala baki 10 projek adalah projek usaha sama (RM371.9 juta). Projek-projek ini turut dijangka membuka peluang pekerjaan untuk 3,863 pekerjaan baharu dalam subsektor plastik.

Dasar dan insentif kerajaan yang menyumbang kepada persekitaran kondusif turut menjadi salah satu faktor penting dalam pembangunan industri plastik sebagai satu subsektor yang menghasilkan berbagai-bagai jenis produk. Tumpuan kepada pelaburan dalam jentera baharu dan automasi akan meningkatkan kapasiti pengeluaran di samping mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing yang tidak mahir. Selain itu, pengeluar barang plastik mendapat manfaat daripada penurunan harga minyak kerana kos bahan mentah dan tenaga yang lebih murah yang menyumbang kepada margin yang lebih baik.

**Tahun 2015, 13 projek bernilai RM37.4 bilion dalam industri petroleum dan produk petrokimia diluluskan. Ini merupakan peningkatan sekali ganda yang memberangsangkan daripada tahun 2014.**

**Industri tekstil dan produk tekstil** negara adalah salah satu industri yang mendorong eksport negara dengan majoriti tekstil keluaran tempatan (19%) dieksport ke Amerika Syarikat. Industri ini merangkumi pelbagai aktiviti huluhan dan hiliran, daripada pempolimeran kepada pencelupan dan percetakan. Industri ini menjadi sumber pendapatan eksport ke-10 terbesar di negara ini pada tahun 2015 dan turut menyumbang kira-kira RM12.6 bilion kepada jumlah eksport perkilangan Malaysia. Pada tahun 2015, empat projek berjumlah RM25.3 juta telah diluluskan, daripada jumlah ini, dua adalah projek pembesaran dan pelbagaiuan (RM9.2 juta) dan dua adalah projek baharu (RM16.1 juta).

Pengeluar tekstil negara telah beralih kepada teknologi baharu yang akan mengubah proses kerja dengan penggunaan sistem perkilangan pintar dan lestari untuk menghasilkan tekstil teknikal, tekstil pintar, tekstil perubatan dan pakaian pintar. Usaha ini turut disokong kukuh dengan pelaksanaan RMK-11 dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Usaha Malaysia ke arah menjadi destinasi pengeluaran bernilai tinggi dan berkualiti tinggi berkait rapat dengan **industri peranti perubatan**. Suatu ketika dahulu, Malaysia merupakan pengilang pukal sarung tangan perubatan biasa, ini berkait dengan sejarah berlarutan negara sebagai pengeluar getah, namun kini, Malaysia telah mengembangkan sayapnya dalam pengeluaran alat dan peranti perubatan. Sehingga 2015, industri peranti perubatan tempatan terdiri daripada lebih 190 syarikat, majoriti daripadanya adalah perusahaan kecil dan sederhana, dan memiliki kepakaran dalam pembangunan produk berteknologi maju, termasuk perentak jantung, sten, alatan implan ortopedik, alatan elektro, alat peranti terapeutik dan alat peranti pemantauan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan memberikan tumpuan kepada industri peranti perubatan sebagai salah satu sektor pertumbuhan utama di bawah RMK-11 dan Penjagaan Kesihatan NKEA. Pada tahun 2015, 30 projek bernilai RM1.8 bilion

telah diluluskan, dan daripada jumlah tersebut, 16 adalah projek baharu (bernilai RM1.4 bilion) manakala selebihnya adalah projek pembesaran dan pelbagaiuan. Nilai pelaburan adalah terdiri daripada pelaburan asing sebanyak RM1.2 bilion (66.3%) dan pelaburan domestik sebanyak RM603.2 juta (33.7%). Projek-projek ini dijangka menjana peluang pekerjaan kepada 7872 orang, tambahan kepada 46,000 pekerjaan dalam industri ini.

Projek penting termasuk projek baharu untuk menghasilkan alatan pembedahan dan peralatan, bekas steril, alat pembedahan elektro untuk pembedahan yang kerap dijalankan dan lampu bilik pembedahan. Syarikat milik asing yang menerajui projek ini disenaraikan sebagai salah satu daripada lima syarikat di dunia yang menghusus dalam segmen produk ini dan akan bekerjasama dengan universiti tempatan untuk pembangunan produk. Satu lagi projek oleh syarikat tempatan akan memberikan tumpuan kepada penghasilan inhaler bermeter dos standard antarabangsa. Projek ini dijangka bukan sahaja dapat mewujudkan 127 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan yang berpendidikan tetapi juga menyediakan platform perkongsian pengetahuan yang akan membantu untuk memupuk kumpulan bakat Malaysia yang lebih besar di samping meningkatkan keupayaan teknikal sedia ada dalam aktiviti R&D dan perkilangan melalui pemindahan teknologi dan latihan.

Bergerak pada nada yang sama adalah **industri farmaseutikal** yang memenuhi keperluan bahan perubatan dunia moden, termasuk ubat generik seperti antibiotik, ubat penahan sakit, makanan tambahan kesihatan dan suntikan. Sebagai ahli Konvensyen Pemeriksaan Farmaseutikal dan Koperasi/Skim Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC/S), ubat-ubatan Malaysia diterima secara meluas di seluruh dunia, terutamanya di negara-negara ahli PIC/S lain seperti UK, Amerika Syarikat, Australia, Scandinavia, Jepun, Korea, Indonesia dan Thailand. Perkara ini menyebabkan pertumbuhan pasaran yang ketara dengan 264 kemudahan DCA berlesen di Malaysia sehingga November 2015 dan 12 projek turut diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM939.7 juta pada akhir tahun 2015. Sebahagian besar industri farmaseutikal dikuasai oleh pelabur tempatan, dengan RM563.9 juta (60%) pelaburan adalah daripada sumber tempatan dan RM375.8 juta (40%) datang daripada pelabur tempatan. Daripada 12 projek yang diluluskan, empat adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM329.9 juta (35%) dan lapan adalah projek pembesaran dan pelbagaiuan dengan pelaburan sebanyak RM609.8 juta (65%). Projek-projek ini dijangka

# Peranti Perubatan Perlu Ketelitian



Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf kepentingan pembangunan peranti perubatan dalam sektor penjagaan kesihatan. Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Penjagaan Kesihatan meliputi lapan Projek Permulaan (*Entry Point Project*, EPP) untuk peranti perubatan dan dijangka menyumbang RM11.4 bilion pendapatan negara kasar (GNI) serta menjana 86,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Berdasarkan bincian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 11 peratus daripada penduduk Malaysia dijangka akan mencapai usia 60 dan ke atas pada tahun 2020 berbanding 8.3 peratus pada tahun 2012. Statistik ini menandakan peningkatan dalam keperluan untuk perkhidmatan penjagaan warga emas pada tahun-tahun akan datang. Dalam industri perubatan, ini menunjukkan potensi dalam rawatan untuk warga tua dan pelaburan dalam peralatan yang memudahkan penjagaan warga tua.

Kerajaan sedang mempergiatkan usaha untuk meningkatkan pembuatan komponen ortopedik secara kontrak. Peranti tersebut bukan sahaja

merupakan elemen penting dalam perkhidmatan penjagaan warga emas, malah juga digunakan secara meluas dalam rawatan pembedahan deformiti muskuloskeletal yang disebabkan oleh trauma, penyakit, kecederaan atau kecacatan.

Syarikat Straits Orthopaedics (Mfg) Sdn Bhd dan Abio Orthopaedics Sdn Bhd bersedia menerajui pembangunan subsektor ortopedik. Syarikat-syarikat tempatan ini bersedia untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan subsektor ortopedik domestik, menyiapsiagakan Malaysia sebagai pusat sehenti untuk pelbagai jenis peranti ortopedik melalui pengenalan teknologi terkini dalam pemesinan terkini, panganan titanium, penempaan, penyalutan dan tuangan.

Pihak berkepentingan utama industri ini seperti Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI) dan Persatuan Peralatan Perubatan Malaysia (MMDA) turut bekerjasama dengan MIDA untuk memacu sektor peranti perubatan.

menghasilkan 447 peluang pekerjaan baharu yang akan membuktikan kemampuan Malaysia untuk menghasilkan produk biofarmaseutikal bernali tinggi melalui penyelidikan dan pembangunan dalaman.

Hubungan Malaysia dengan **bioteknologi** adalah sebuah kisah cinta yang panjang diakari industri kelapa sawit terkemuka di negara ini. Sesuatu yang bermula dengan teknologi pertanian konvensional, menggunakan hampas kelapa sawit dan beras, telah berkembang menjadi proses yang kompleks dan produk nilai ditambah tinggi seperti biosimilar atau ubat generik, penemuan ubat-ubatan, saringan molekul dan penyelidikan sel stem. Sebagai negara pertama di Asia Tenggara yang melancarkan inisiatif bioteknologi, Malaysia memiliki harapan yang tinggi untuk menjadi destinasi serantau pilihan pelabur antarabangsa. Menjelang tahun 2020, dianggarkan bahawa industri bioteknologi akan menyumbang lapan hingga sepuluh peratus daripada jumlah keuntungan dalam negara kasar (KDNK).

Sehingga Disember 2015, 271 syarikat dianugerahkan status Bionexus oleh Biotechnology Corporation Malaysia (BiotechCorp) yang meningkatkan nilai pelaburan sebanyak RM6.6 juta dan membuka 10,770 peluang pekerjaan. Bio pertanian kekal sebagai sub sektor paling besar dengan 62.9 peratus, namun subsektor bioindustri dan bioperubatan yang baharu muncul membentuk bahagian masing-masing pada 25.5 peratus dan 11.6 peratus. Pelaburan baharu sektor bioteknologi terus berkembang, dengan sokongan yang mencurah masuk daripada pelabur tempatan sebanyak RM1.5 bilion (89.9 peratus daripada jumlah keseluruhan). Pelaburan asing menyumbang RM176 juta atau 10.1 % daripada jumlah pelaburan. Projek-projek yang baharu diluluskan dijangka akan menghasilkan 1,747 peluang pekerjaan baharu di pasaran.

Salah satu projek yang merupakan satu pencapaian adalah projek tempatan dengan pelaburan sebanyak RM1 bilion yang telah dimulakan di bawah Projek Transformasi Bioekonomi. Projek tersebut yang berpusat di Sabah, mengkomersilkan udang menggunakan elemen bioteknologi termasuk R&D, penetasan, kawasan tumbesaran, pengeluaran makanan udang dan juga kilang pemprosesan. Ia dijangka menghasilkan 591 peluang pekerjaan baharu. Usaha Kerajaan untuk memajukan kepentingan bioteknologi negara turut membawa kepada pembentukan sebuah Pusat Bioteknologi (BTC) di Koridor Utara yang terletak di bahagian utara Malaysia. Pusat Bioteknologi tersebut dilengkapi dengan kawasan bebas patogen, dan makmal serta ruang pejabat yang boleh disewa untuk

menggalakkan pertumbuhan syarikat baharu SME bioteknologi dan projek penyelidikan bebas.

**Sektor pertanian** Malaysia adalah salah satu sektor yang pelbagai dan mantap, dengan aktiviti merangkumi akuakultur dan perikanan marin, penanaman tanaman, makanan dan sayur-sayuran, bunga-bungaan, ternakan ikan hiasan, ternakan haiwan dan pemeliharaan lebah. Industri pertanian negara mempunyai hubungan yang kukuh dengan sektor makanan dan pemprosesan makanan negara. Walaupun sebahagian besar sektor ini mampu menampung permintaan tempatan untuk ayam dan telur, bahan makanan lain seperti beras dan daging perlu diimport untuk memenuhi keperluan negara. Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Pendapatan Negara Kasar (GNI) dijangka meningkat sebanyak RM21.4 bilion menerusi 16 Projek Permulaan (EPP) dan 11 peluang perniagaan. Pelaksanaan NKEA Pertanian juga dijangka menghasilkan 75,000 peluang pekerjaan, kebanyakannya di kawasan luar bandar, dengan sasaran mengurangkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar serta mengubah sektor berdasarkan pengeluaran tradisional berskala kecil kepada industri tani berskala besar yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan kelestarian ekonomi negara.

Sejumlah 27 projek pertanian telah diluluskan pada tahun 2015. Pelaburan projek tersebut berjumlah RM261.2 juta berbanding dengan 29 projek bernilai RM250.5 juta pada tahun 2014. Hampir keseluruhan projek yang diluluskan adalah dari pasaran tempatan dengan 99.9 peratus daripada jumlah pelaburan (RM261 juta) adalah daripada pelabur tempatan. Baki 0.1 peratus (RM0.2 juta) adalah dari FDI. Daripada jumlah projek yang diluluskan, 15 adalah projek baharu dan 12 adalah untuk projek pelbagai dan pengembangan.

**Subsektor pemprosesan makanan** merangkumi kesemua aktiviti nilai ditambah yang menggunakan hasil pertanian atau hortikultur. Seperti industri lain, industri pemprosesan makanan di Malaysia turut mengalami peralihan daripada teknik konvensional kepada penggunaan teknologi terkini. Industri ini berupaya mengeksport RM18 bilion nilai barang makanan diproses. Berjajaran dengan jumlah keseluruhan import makanan negara bagi tahun 2015 (RM17.8 bilion), perkara ini menjanjikan hala tuju yang cerah memandangkan nilai eksport adalah melebihi nilai import.

Lanjutan usaha negara untuk menjadi sebuah negara yang berdikari, kerajaan memberikan

tumpuan kepada industri makanan sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Di bawah NKRA, kerajaan menangani isu-isu seperti kos sara hidup yang tinggi yang turut dibebankan dengan kenaikan global harga makanan. Pada masa ini, mekanisma kawalan harga dilaksanakan terhadap beberapa bahan makanan asas walau bagaimanapun, Kerajaan mempunyai misi menghapuskan subsidi kerajaan pada masa hadapan. Sebanyak 42 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2015. Daripada jumlah ini – termasuk industri minuman dan tembakau – pelaburan domestik berjumlah RM1.9 bilion (85.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM0.3 bilion (14.5%). Projek-projek ini dijangka menjana 2,970 peluang pekerjaan tambahan.

**Industri minyak sawit** Malaysia adalah penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara dan kekal sebagai salah satu industri utama negara dengan pengeluaran minyak sawit, minyak isirung sawit, oleokimia dan derivatif (termasuk biodiesel) serta produk daripada biomas sawit (termasuk penjanaan

tenaga). Malaysia adalah salah satu pengeksport terbesar minyak sawit dengan pembeli utama terdiri daripada China, India dan Eropah. Berdasarkan data Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPONB) untuk tahun ini, pengeluaran negara minyak mentah pada tahun 2015 berjumlah 19.9 juta tan metrik, meningkat sebanyak 19.7 juta daripada tahun sebelumnya. Minyak isirung sawit mentah dan isirung sawit berjumlah masing-masing pada 2.3 juta tan dan 2.5 juta tan, mengekalkan jumlah pengeluaran daripada tahun 2014.

Sabah, Sarawak dan Johor kekal sebagai pengeluar utama minyak sawit. Pada tahun 2015, sejumlah 73 projek diluluskan dengan pelaburan bernilai RM2.2 bilion. Pelaburan asing berjumlah RM849.3 juta manakala pelaburan domestik berjumlah RM1.3 bilion. Pelaburan tertinggi adalah daripada subsektor oleokimia dengan nilai RM662.7 juta, diikuti dengan projek penjanaan tenaga daripada biojisim sawit (RM543.9 juta), minyak sawit dan minyak isirung sawit (RM543.7 juta) dan produk daripada biomas sawit (RM397.2 juta).



**Subsektor minyak sawit dan minyak isirung**

sawit tertumpu kepada proses penapisan dan penghancuran dalam rantaian bekalan minyak sawit. Ketika ini, Malaysia mempunyai 52 kilang penapis dan 44 kilang penghancuran dengan jumlah kapasiti masing-masing pada 25.3 juta tan dan tujuh juta tan setahun. Secara keseluruhan, kilang penapis tersebut memproses sebanyak 14.6 juta tan minyak sawit mentah dan 1.6 juta tan minyak isirung sawit mentah manakala kilang penghancuran memproses lima juta tan isirung sawit.

Pada tahun 2015, 12 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM543.7 juta. Projek pembesaran dan pelbagaia diagihkan sama rata kepada enam projek. Pelaburan asing berjumlah RM276.1 juta manakala pelaburan domestik berjumlah hampir RM267.6 juta. Nafas baharu turut diberi kepada barisan produk industri dengan projek pembesaran yang memberi tumpuan kepada pengeluaran bahan tambahan makanan haiwan berdasarkan sawit. Bahan tambahan tersebut adalah hasil sampingan semula jadi daripada pemprosesan minyak dan lemak, serta dianggap sebagai pilihan yang sangat menarik bagi industri ruminan memandangkan lemak penting dan nutrien diperkenalkan ke dalam diet ternakan.

Industri biomas sawit adalah salah satu cabang industri pengeluaran minyak sawit yang berkembang secara langsung, memandangkan kemudahan untuk memperolehi hasil sampingan semulajadi minyak kelapa sawit seperti pelepas, batang, kulit kernel, gentian mesokarpa, tandan buah yang kosong dan sisa buangan kilang minyak sawit. Dalam subsektor produk biomas kelapa sawit, 15 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM397.2 juta pada tahun 2015, berbanding dengan 12 projek dengan pelaburan berjumlah RM82.9 juta pada tahun 2014. Pelaburan domestik berjumlah RM249.3 juta (62.8%) manakala pelaburan asing berjumlah RM147.9 juta (37.2%).

**Industri produk getah** adalah sebuah industri yang mantap dan bersejarah di Malaysia. Sebagai salah satu daripada negara pengeluar getah utama di dunia, Malaysia mengeksport hampir RM18 bilion nilai produk getah pada tahun 2015, peningkatan yang ketara daripada RM15 bilion yang dicatatkan pada tahun 2014. Perkara ini mungkin disebabkan oleh penurunan global harga getah asli yang menurunkan keuntungan untuk penuai getah dan memberikan kesan penurunan kos pengeluaran untuk produk pengeluar getah tempatan.

Produk getah Malaysia dieksport ke lebih 190 buah negara di seluruh dunia, namun negara utama

pasaran eksport negara adalah Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun.

Tahun 2015 menyaksikan 16 projek diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM143.4 juta. Daripada jumlah ini, 10 adalah projek baharu bernilai RM132.5 juta, manakala baki adalah projek pembesaran dan pelbagaia bernilai RM10.9 juta. Lebih 81.3 peratus (RM116.6 juta) daripada projek industri getah adalah daripada sumber domestik manakala baki terdiri daripada sumber asing (RM26.8 juta). Sebanyak 10 projek yang diluluskan adalah milik penuh tempatan (RM111.7 juta), manakala dua projek adalah projek usaha sama (RM7 juta) dan empat projek adalah milik penuh asing (RM24.7 juta).

Sejumlah besar pelaburan tersebut diberikan kepada pengeluaran pelbagai jenis tayar, produk getah Hijau, sebatian getah, produk getah perindustrian dan am serta pengitaran semula tayar terpakai lama kepada serbuk getah. Projek-projek tersebut dijangka menjana 574 peluang pekerjaan tambahan. Kerajaan melihat peluang pada industri produk getah asli negara dan memulakan inisiatif Kedah Rubber City (KRC) di bahagian utara Malaysia untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti. KRC akan menempatkan pengeluar utama pemangkin, getah khusus, keluaran getah dengan ketepatan kejuruteraan dan produk getah Hijau dan dijangka mempunyai nilai pembangunan kasar sebanyak RM11.2 bilion. Sebaik sahaja KRC siap dibina, bandar tersebut dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 20,000 orang.

**Industri kayu dan produk kayu** membekalkan kelengkapan penting dan bahan kayu kepada negara. Sebagai salah satu bukti kepada sifat berdaya usaha rakyat Malaysia, industri ini dikuasai oleh pemilik perniagaan tempatan yang membentuk kira-kira 87 peratus daripada pengeluar kecil dan sederhana. Selama ini, industri tersebut mengalami perubahan yang ketara, yang menyaksikan perubahan daripada permulaan pemprosesan utama kepada industri maju yang mampu menghasilkan produk hiliran dengan nilai ditambah yang ketara. Pada tahun 2015, 70 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM902 juta. Daripada jumlah ini, 50 adalah pelaburan baharu (bernilai RM641 juta) dan 20 adalah projek pembesaran dan pelbagaia (bernilai RM261 juta). Pelaburan tempatan mendominasi industri pada RM654 juta, manakala pelaburan asing pula tidak kurang hebatnya dengan jumlah RM248 juta. Secara keseluruhan, usaha niaga baharu dalam industri dijangka menyediakan tambahan 3,268 peluang pekerjaan.



## Memangkin Industri Getah

**S**ejarah pembangunan industri produk getah, salah satu sektor tertua di Malaysia, bermula semenjak era penjajah. MIDA sebagai agensi penggalak pelaburan utama bekerja erat dengan pihak berkepentingan utama dalam sektor getah seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak (TARRC), Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) dan pelbagai entiti di sektor swasta.

Penubuhan Bandaraya Getah (*Rubber City*) di Ladang Bukit Ketapang, Kuala Nerang, Kedah, menandakan satu peristiwa kemuncak dalam rekod industri getah Malaysia di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Terletak di jantung jalur Ekonomi Getah Asli, pembangunan 1,538 ekar dibantu oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah. Sebaik sahaja siap dibina, bandar ini akan menampilkan satu kawasan khusus yang mengintegrasikan zon industri, komersial dan hab R&D. Empat subindustri telah dikenal pasti sebagai fokus utama Bandaraya Getah: penyewa pemangkin utama, getah khusus dan produk getah, keluaran getah dengan ketepatan kejuruteraan dan keluaran

getah hijau. Insentif khusus turut diwujudkan dan diperkenalkan untuk menarik masuk pelaburan ke bandaraya tersebut.


Strategi berterusan MIDA adalah untuk memperkuuh dan melengkapkan ekosistem industri getah dalam usaha untuk meningkatkan rantaian nilai kelompok industri ini secara keseluruhannya. Bertujuan untuk membina persekitaran perniagaan yang lebih mampan dan kondusif, MIDA menggunakan pendekatan yang pernah dicuba dan diuji untuk menarik minat pelabur dengan mewujudkan ekosistem yang kukuh dan bersifat komprehensif untuk industri.

Subsektor perabot berjaya menarik perhatian dengan 18 projek bernilai RM87 juta. Daripada jumlah itu, 12 projek adalah projek baharu (bernilai RM72 juta) manakala baki enam projek adalah projek pembesaran dan pelbagaiian (bernilai RM16 juta). Pelaburan domestik adalah pada RM61 juta, membentuk 70 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala pelaburan asing adalah pada RM26 juta (30%). Subsektor produk panel dan kumai, serta subsektor pertukangan kayu dan tanggam berjaya menarik minat dengan jumlah projek, masing-masing pada enam dan tujuh projek, dengan jumlah pelaburan yang diluluskan, masing-masing adalah RM31 juta dan RM189 juta. Manakala, untuk pengeluaran produk dan bahan berdasarkan kayu termasuk pelet kayu, kayu gergaji dan sisa pertanian umum sebanyak 39 projek bernilai RM595 juta juga telah diluluskan.

**Industri kertas, percetakan dan penerbitan** merangkumi pembuatan awal pulpa, kertas dan produk kertas, diikuti aktiviti percetakan dan penerbitan. Secara dasar, apa-apa aktiviti yang

memerlukan pengeluaran produk kertas – termasuk kertas tisu, kotak beralun, bahan pembungkusan dan kusyen serta lampin pakai buang – dianggap sebagai subsektor industri ini. Keupayaan pengeluaran Malaysia telah berkembang pesat sekian lama. Dengan menggunakan kertas buangan sebagai bahan mentah, secara kolektif, 23 kilang kertas di negara ini mampu menghasilkan 1.9 metrik tan setahun. Pada tahun 2015, industri ini menggaji lebih 5,000 orang pekerja.

Sejumlah 16 projek telah diluluskan pada tahun 2015, dengan pelaburan berjumlah RM962.8 juta. Daripada jumlah tersebut, dua adalah projek pembesaran dan pelbagaiian (bernilai RM645.7 juta atau 67 peratus daripada jumlah keseluruhan) manakala 14 adalah projek baharu (bernilai RM317.1 juta atau 33 peratus). Pelaburan asing membentuk 85 peratus daripada jumlah keseluruhan (RM813.7 juta) manakala pelaburan domestik berjumlah 15 peratus (RM149.1 juta).



## Tinjauan

Memandangkan negara maju baru pulih daripada kemelesetan yang lepas, kelembapan pertumbuhan China menyebabkan keadaan ekonomi yang tidak menentu terhadap pasaran yang baru muncul. Tahun 2015 menyaksikan persekitaran kewangan global yang lembap, disebabkan oleh gabungan penurunan harga komoditi, sektor perkilangan dan pembinaan negara China yang semakin lemah, krisis zon Euro yang menyebabkan pergolakan sektor perkilangan di Eropah, serta nilai Ringgit Malaysia yang jatuh merudum dan berkait dengan mata wang Amerika disebabkan oleh harga minyak global yang terus menjunam. Peralihan ekonomi China daripada sektor pelaburan kepada sektor penggunaan, turut memberikan kesan pada sektor pengeluaran di Asia.

Walaupun dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, ekonomi Malaysia tetap bertahan dengan rizab negara berada di tahap selesa, hutang luar yang rendah, kadar pengangguran yang rendah dan aliran sihat pelaburan langsung asing. Majoriti projek perkilangan yang dilaksanakan meliputi industri seperti elektrik dan elektronik (E&E), jentera & kelengkapan (M&E), keluaran petroleum, kelengkapan pengangkutan, keluaran logam rekaan, dan bahan kimia dan produk kimia.

Sektor perkilangan Malaysia berjaya menarik sebahagian besar pelaburan intensif modal untuk industri utama, melebihi sasaran purata pelaburan tahunan yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Rancangan Malaysia untuk mempelbagaikan produk yang lebih bernilai tinggi dan kompleks terus menarik pelaburan daripada negara seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) – perjanjian perdagangan multinasional antara Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam – dijangka akan mengembangkan eksport global Malaysia. Perkara ini, digabungkan dengan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), dijangka dapat menjadikan Asia Tenggara sebagai pangkalan tunggal untuk sektor pengeluaran dan perkilangan dengan skala ekonomi yang boleh menyaingi China. Secara kolektif, blok ASEAN dianggarkan memiliki KDNK keseluruhan bernilai US\$2.6 trilion.

Peranan rantau ini dalam konteks ekonomi global membuka peluang baharu kepada Malaysia. Malaysia kini disajikan peluang yang unik untuk memanfaatkan rangkaian ekonomi yang pelbagai

di rantau ini dengan integrasi serentak rantaian nilai serantau dan pelonggaran sekatan perdagangan dengan rakan tradisi.

Usaha syarikat-syarikat multinasional yang semakin giat untuk menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan rekacipta dan pembangunan (D&D) di Malaysia seharusnya akan terus memberi kesan yang ketara ke atas Malaysia serta tenaga kerjanya. Kejayaan negara dalam menarik teknologi tinggi, aktiviti berintensif kemahiran, serta daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpengetahuan dan berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia. Banyak syarikat tempatan kini pantas menjadi pembekal kepada syarikat multinasional, mewujudkan persekitaran perniagaan yang bernilai jutaan ringgit untuk kelestarian syarikat dan pihak lain dalam jangka masa yang panjang.

---

# MIDA

MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY

A small white table with a black metal base.A small white table with a black metal base.A small white table with a black metal base.A small white table with a black metal base.

MIDA

Malaysian  
Investment  
Development  
Authority



## MENINGKATKAN PROFIL MALAYSIA

MIDA berusaha dengan aktif untuk terus menarik perlaburan baru dan menggalakkan pelaburan semula

# Meningkatkan Profil Malaysia

*MIDA terus aktif mempromosikan Malaysia kepada para pelabur pada tahun 2015 melalui Misi Perdagangan dan Pelaburan (T&I), Misi Projek Khusus, mesyuarat meja bulat, seminar mini, seminar antarabangsa, forum dan dialog dengan dewan perniagaan asing, di samping menggunakan iklan dan advertorial. Berhadapan dengan ekonomi global yang semakin bergolak, MIDA tidak menyerah kalah dan mempertingkat usaha untuk menarik pelaburan baharu dan menggalakkan pelaburan semula*

## Menarik Pelaburan ke Malaysia

**M**IDA menjalankan peranan dengan menyediakan maklumat dan sokongan untuk aktiviti pelaburan kepada lebih daripada 380 lawatan oleh delegasi dan pelabur luar negara pada tahun 2015. MIDA turut memberi maklum balas kepada 1,065 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan mengenai penubuhan projek-projek perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia.

Dalam melanjutkan usaha negara untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, MIDA memberikan tumpuan penuh kepada industri bermodal dan berpengetahuan intensif, berteknologi berat serta industri dengan nilai ditambah yang tinggi. Untuk mencapai hasrat tersebut, MIDA menganjurkan dan melaksanakan enam T&I di luar negara, menghantar pegawai Kerajaan Malaysia – termasuk pegawai kerajaan negeri dan koridor ekonomi serantau – bersama wakil daripada sektor swasta. Kumpulan-kumpulan ini ditugaskan untuk memaklumkan perkembangan terbaru dan meyakinkan para pelabur asing tentang iklim perniagaan di Malaysia di samping mempromosi negara sebagai destinasi utama untuk aktiviti pembiayaan dan pembangunan. Setiap misi terdiri daripada seminar mengenai peluang perdagangan dan pelaburan, mesyuarat meja bulat, mesyuarat pemadanan perniagaan dan sesi rangkaian.

T&I MIDA menumpukan perhatian kepada pelabur dari benua Eropah dan Asia. Daripada bulan Mei hingga September, MIDA menganjurkan empat T&I. Misi pertama ke Perancis dan Belgium (7–14 Mei) diketuai oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Turut mengiringi Menteri adalah satu pasukan yang terdiri daripada wakil Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Kulim Technology Park Corporation, Pihak Berkusa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA), Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) dan INVEST KL.

Misi seterusnya menjelaki destinasi di rantau Asia, bermula dengan Filipina (23–24 Mei), kemudian ke Thailand (27–28 Jun) dan berakhir di China (17–20 September). Dalam misi ini, MIDA turut serta dalam seminar perniagaan, acara jalinan rangkaian dan pemadanan perniagaan, serta mesyuarat dengan syarikat-syarikat tempatan di setiap negara, dengan tujuan untuk memperkuuh hubungan antara negara.

MIDA turut mengetui misi ke Eropah dari 20 September hingga 7 Oktober yang meliputi Stuttgart, Milan dan Istanbul. Misi yang melibatkan beberapa seminar, mesyuarat meja bulat, mesyuarat persendirian dan lawatan ke, syarikat-syarikat telah dijalankan untuk memaklumkan pemimpin perniagaan dan golongan profesional perihal iklim ekonomi semasa di negara ini dan peluang perniagaan yang menanti mereka di Malaysia.

## Menarik Pelaburan daripada Luar Negara

T&I terakhir bagi tahun 2015 telah diadakan pada 22 hingga 28 November meliputi Republik Korea dan Jepun. YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah mendahului pasukan TIM, dengan lawatan muhibah pada bulan Mei 2015. Aktiviti delegasi ke Republik Korea dan Jepun termasuk seminar perniagaan, sesi rangkaian dan pemadanan perniagaan serta mesyuarat dengan syarikat-syarikat utama di Jepun dan Korea. Berbekalkan harapan yang tinggi, misi ini bertujuan meningkatkan pelaburan asing langsung dalam subsektor E&E, teknologi hijau, automotif, aeronautik dan sub sektor ICT Malaysia.

MIDA turut terlibat dengan penganjuran seminar, mesyuarat meja bulat, mesyuarat persendirian dan lawatan ke syarikat-syarikat di pelbagai negara bertepatan dengan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MIDA. Para menteri dan eksekutif telah membuat sebelas lawatan ke acara perdagangan



28 Julai 2015, Kuala Lumpur – Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA meraikan para delegasi dari Korea Selatan sempena lawatan rasmi mereka ke ibu pejabat MIDA

global utama dan ekonomi termasuk Mesyuarat Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland, Forum CEO Malaysia-India di Kuala Lumpur, Expo Milano di Milan, Itali dan dua misi perdagangan ke Italy, Switzerland dan Itali (25 Ogos–5 September) dan Amerika Syarikat (18 September–4 Oktober).

MIDA turut mengatur tiga Misi Projek Khusus ke luar negara dengan menyasarkan syarikat-syarikat terpilih di beberapa negara utama pada tahun 2015. Misi ini memberikan tumpuan terutamanya kepada syarikat yang berkaitan dengan teknologi tinggi, bermodal intensif dan industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi untuk merealisasikan rancangan Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju dengan industri bertenologi tinggi menjelang tahun 2020. Misi ini menyasarkan industri Elektrik dan Elektronik di Korea Selatan; serta industri Elektrik dan Elektronik, Peralatan Perubatan dan Bioteknologi di Amerika Syarikat.


Untuk merealisasikan strategi pelaburan MIDA, inisiatif jalinan rangkaian dan program kesedaran awam, MIDA turut menganjurkan dan menyertai 14 seminar antarabangsa, forum dan taklimat pada tahun 2015 termasuk Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland; Dunia Forum Ekonomi Asia Timur 2015 di Nusa Dua, Indonesia; Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN-EU ke-4 2015; Forum Perniagaan Aras Tinggi Rusia-Malaysia; Ekspos ASEAN China ke-12 (CAEXPO) di

Nanng, China; dan Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) ke-11 di Kuala Lumpur.

## Bertahan Kukuh di Tanah Air

MIDA menyedari kepentingan pelaburan domestik dalam memacu pertumbuhan negara bagi mencapai matlamat yang strategik. Pada tahun 2015, pelaburan domestik berjumlah RM150.6 bilion, mewakili 80.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, jauh melebihi sasaran ETP iaitu 73 peratus. MIDA memainkan peranan sebagai fasilitator dan memberikan sokongan untuk pelabur tempatan sepanjang tahun dengan mengadakan pelbagai seminar, bengkel dan lain-lain aktiviti.

MIDA menganjurkan lapan seminar industri khusus, bengkel dan klinik perniagaan yang meliputi industri utama termasuk teknologi makanan, sumber mampang, pengilangan elektrik dan elektronik, teknologi bangunan, teknologi bersih dan lain-lain. Objektif aktiviti tersebut adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, memudahkan jaringan kerjasama di antara semua pihak yang terlibat dan mengumumkan kepada industri mengenai insentif baharu di bawah belanjawan 2015/2016.



7 April 2015, Kuala Lumpur – YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam sesi dialog dengan Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC)

Pada tahun 2015, MIDA menganjurkan lima Program Jalinan Rangkaian Dalam Negeri untuk melibatkan diri dan berhubung dengan pelabur tempatan, menyasarkan kumpulan industri khusus untuk memaklumkan kepada mereka tentang agenda dan inisiatif kerajaan yang terkini serta mewujudkan komunikasi terbuka antara MIDA, komuniti perniagaan dan pemimpin industri domestik utama.

Sejumlah empat Program Outreach telah diadakan sepanjang tahun dengan kerjasama rakan kongsi seperti Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA) dan Jabatan Pembangunan Industri & Penyelidikan (DIDR). Objektif program-program ini adalah untuk memberikan motivasi kepada usahawan tempatan untuk menambah nilai perniagaan mereka, di samping memberikan keyakinan kepada mereka untuk berani menerokai pentas global dan memperluaskan akses pasaran mereka. Program tersebut juga menggalakkan pelabur untuk mempercepat peralihan daripada menjalankan projek yang berintensif buruh kepada projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, menumpu terhad pengetahuan dan berasaskan inovasi. Program Outreach juga berusaha untuk meningkatkan pelaburan dalam subsektor perkhidmatan utama, untuk menambah sumbangan mereka kepada ekonomi. Selain itu, program tersebut merupakan

forum untuk komuniti perniagaan membina jalinan rangkaian dengan agensi kerajaan utama serta pelabur tempatan yang lain. Usahawan digalakkan untuk memaparkan dan berkongsi maklumat mengenai produk mereka di bahagian pameran di Program Outreach untuk menarik minat pelabur.

MIDA menganjurkan 11 pertemuan dengan konglomerat tempatan pada tahun 2015. Objektif pertemuan adalah seperti berikut; pertama, MIDA berusaha untuk mengenal pasti potensi konglomerat Malaysia yang boleh memberikan sokongan yang diperlukan dan menjadi tunggak utama dalam ekosistem, memanfaatkan peluang khidmat luaran oleh MNC yang beroperasi di Malaysia (Program Pembangunan Vendor); kedua, menyediakan platform yang berkesan untuk syarikat dan MIDA bertukar idea serta maklumat penting mengenai isu-isu berkaitan pelaburan dalam negeri, dan terakhir, MIDA berusaha untuk membina hubungan yang baik dengan peneraju tempatan.

## Meletakkan Batu Asas

Untuk memperkuat jalinan rangkaian antara peserta industri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), MIDA menganjurkan sebanyak lapan program Turun Padang dengan kehadiran

Menteri MITI, YB Dato' Sri Mustapa pada tahun 2015. Objektif aktiviti ini adalah untuk membantu MITI mempromosi dan menyebarkan sumbangan Kementerian dan Agensi kepada negara, di samping melaporkan perkembangan kepada peserta industri di Malaysia. Lawatan Turun Padang termasuk lawatan kerja oleh YB Dato 'Sri Mustapa ke lapan negeri di Semenanjung Malaysia, termasuk satu lawatan oleh YAB Perdana Menteri ke Sarawak.

MIDA, melalui Bahagian Pelaburan Domestik, turut menyokong agensi lain dengan menyelaras acara-acara seperti Institusi Latihan untuk Agensi Promosi Pelaburan oleh OIC, negara-negara Afrika dan negara-negara asing yang berminat. Selain daripada itu, MIDA juga secara aktif menerima lawatan daripada universiti dan institusi tempatan untuk memberikan pemahaman yang lebih baik kepada pelajar dan kakitangan mengenai peranan MIDA dan peluang pelaburan di Malaysia.

Antara beberapa peristiwa Turun Padang yang menyerlah ialah lawatan ke pejabat Tokuyama Malaysia Sdn Bhd dan Pelabuhan Samalaju di Sarawak pada Mac 2015. Lawatan itu dianjurkan untuk membantu menambahbaik polisi dan sebagai langkah untuk mengekalkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam memastikan pertumbuhan ekonomi Sarawak. Peristiwa Turun Padang yang turut menyerlah berlaku pada April 2015 di negeri Melaka iaitu pertemuan di antara Menteri dan pegawai-pegawai beliau dengan ahli-ahli EXCO negeri dan tiga konglomerat lain yang beroperasi di negeri tersebut iaitu CTRM Aero Composites di Batu Berendam Melaka, Melaka Gateway Mega Development Project site and Infineon Technologies (Malaysia), sebuah syarikat Jerman yang beroperasi di Melaka semenjak 42 tahun dahulu. Tujuan lawatan ini adalah untuk menawarkan sokongan dan menggalakkan mereka untuk terus melebarkan sayap mereka ke arah projek bernilai tinggi.

## Dana Strategik Pelaburan Tempatan (Domestic Investment Strategic Fund, DISF)

DISF ditubuhkan pada tahun 2012 dengan tujuan untuk mempercepat penyertaan syarikat milik Malaysia dalam industri yang mempunyai nilai ditambah, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berdasarkan inovasi serta memberi kesan positif kepada industri tempatan, dengan konglomerat Malaysia dan syarikat multinasional

mendapat manfaat daripadanya. Geran DISF menampung pelbagai perbelanjaan, termasuk perbelanjaan latihan bakat tempatan; menjalankan aktiviti R&D di Malaysia; memodenkan dan menaik taraf kemudahan dan peralatan untuk menjalankan aktiviti pengilangan dan perkhidmatan; mendapatkan standard/persijilan antarabangsa; dan pelesenan atau pembelian teknologi baharu/tinggi.

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 196 projek dengan pelaburan berjumlah RM8.2 bilion telah diluluskan, dengan geran berjumlah RM785.5 juta. Hampir separuh daripadanya (48%) adalah untuk perbelanjaan modal yang baharu, dengan kira-kira satu pertiga (35.7%) diperuntukkan untuk aktiviti R&D, lapan peratus untuk usaha latihan pembiayaan, dan bakinya untuk persijilan dan pelesenan. Seperti tahun sebelumnya, dua industri yang mendapat bahagian terbesar geran ialah E&E (30%) serta Mesin dan Kejuruteraan Lanjutan (25%).

## Mempertingkat Kesedaran

Sokongan media adalah penting bagi menyebarkan usaha promosi pelaburan yang dilaksanakan oleh MIDA. Pada tahun 2015, MIDA mengadakan 39 persidangan media untuk media cetak, penyiaran dan dalam talian. Di bawah Program Suai Kenal Industri, MIDA menaja lawatan wakil media selama dua hari dengan memberi tumpuan kepada sektor teknologi bersih dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar termasuk lawatan ke Meriahtek Sdn Bhd. Program ini telah disertai oleh Gading Kencana Sdn Bhd. Wartawan dari The Star, Berita Harian, NST, Metro Harian, BERNAMA, Utusan Malaysia, Nanyang Siang Pau, The Edge dan The Malaysia Reserve dan menerbitkan beberapa artikel.

Program Suai Kenal Industri yang lain terdiri daripada program satu hari yang diadakan untuk wartawan dan memberi tumpuan kepada industri makanan termsuk lawatan ke PureCircle Sdn Bhd di Negeri Sembilan. Wartawan dari telah mengambil bahagian dalam program ini. Melalui program ini, pihak media dari The Star, Berita Harian, BERNAMA, Utusan Malaysia, Nanyang Siang Pau dan The Edge memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang industri tersebut dan faktor yang mempengaruhi kejayaan mereka, serta kefahaman tentang peranan Kerajaan dalam membangunkan dan mempromosikan industri tersebut.

---



9

## PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015



## PENYATA KEWANGAN



### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbaran pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuilir serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

#### Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia 2008 (Akta 397). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

#### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(LIM CHIN TEONG)  
b.p KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
13 JULAI 2016




**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia  
(Pindaan) 2011)

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

Kami, **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ** dan **TAN SRI DR. REBECCA FATIMA STA MARIA** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,



TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ

Bagi pihak Jemaah,



TAN SRI DR. REBECCA FATIMA STA MARIA

PENGERUSI

1 JULAI 2016

KUALA LUMPUR

AHLI JEMAAH

1 JULAI 2016

KUALA LUMPUR

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **AZMAN MAHMUD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di KUALA LUMPUR )  
pada 1 JULAI 2016 )



**DATO' AZMAN MAHMUD**



Lot 1.08, Tingkat 1,  
Bangunan KWSP, Jin Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 019-6680745

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015**

	<b>Nota</b>	<b>2015 (RM)</b>	<b>2014 (RM)</b>
<b>ASET TETAP</b>			
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	6	154,051,146	171,206,633
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	7	14,713,310	12,401,089
PENGHUTANG J/PANJANG	8	1,725,883	1,768,080
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang	8	1,012,683	723,549
Pendahuluan		55,936	114,563
Deposit Diberi		7,290,324	6,006,706
Bayaran Terdahulu		4,011,683	3,757,123
GST Cukai Input		282,298	-
Simpanan Tetap Di Bank Berlesen		120,000,000	200,000,000
Wang Di Bank Dan Di Tangan		29,292,656	54,069,994
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>161,945,580</b>	<b>264,671,935</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Akaun–Akaun Khas	9	106,126,843	152,984,268
Pelbagai Pembiayaan	10	26,041,594	65,807,954
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	11	720,614	522,514
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<b>132,889,051</b>	<b>219,314,736</b>
<b>JUMLAH ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>29,056,529</b>	<b>45,357,199</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>		<b>199,546,868</b>	<b>230,733,001</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
KUMPULAN WANG TERKUMPUL MENGURUS		7,959,040	25,555,760
KUMPULAN WANG TERKUMPUL PEMBANGUNAN	16	177,895,729	192,154,176
KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN		3,000,000	3,000,000
KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER		350,000	350,000
		<b>189,204,769</b>	<b>221,059,936</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>			
<b>MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG</b>	11	<b>10,342,099</b>	<b>9,673,065</b>
		<b>199,546,868</b>	<b>230,733,001</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 (RM)	2014 (RM)
<b>PENDAPATAN</b>			
GERAN KERAJAAN		155,278,850	167,150,500
LAIN-LAIN PENDAPATAN	12	30,446,742	20,003,634
		<b>185,725,592</b>	<b>187,154,134</b>
<b>TOLAK: PERBELANJAAN</b>			
EMOLUMEN	13	105,443,735	99,045,811
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	14	80,413,571	106,181,558
SUSUTNILAI	6	17,465,006	17,777,631
		<b>203,322,312</b>	<b>223,005,000</b>
<b>(KURANGAN) BERSIH TAHUN SEMASA</b>		<b>(17,596,720)*</b>	<b>(35,850,866)*</b>

**NOTA**

\*Kurangan bersih tahun semasa sebanyak **RM17,596,720** adalah dibiayai daripada rizab MIDA yang diluluskan oleh Jemaah MIDA.

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2015**

	Kumpulan Wang Mengurus (RM)	Kumpulan Wang Pembangunan (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM)	Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer (RM)	Jumlah (RM)
<b>Baki pada 1 Januari 2014</b>	61,406,626	208,405,207	3,000,000	350,000	273,161,833
Pindahan geran pembangunan ke akaun-akaun khas	—	0	—	—	0
Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan	(35,850,866)	307,354	—	—	(35,543,512)
Penggunaan dalam tahun	—	(16,558,385)	—	—	(16,558,385)
<b>Baki pada 31 Disember 2014</b>	<b>25,555,760</b>	<b>192,154,176</b>	<b>3,000,000</b>	<b>350,000</b>	<b>221,059,936</b>
Pindahan dari Akaun-Akaun Khas ke Geran Pembangunan	—	2,992,940	—	—	2,992,940
Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan	(17,596,720)	(784,855)	—	—	(18,381,575)
Penggunaan dalam tahun	—	(16,466,532)	—	—	(16,466,532)
<b>Baki pada 31 Disember 2015</b>	<b>7,959,040</b>	<b>177,895,729</b>	<b>3,000,000</b>	<b>350,000</b>	<b>189,204,769</b>

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA  
31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 (RM)	2014 (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
(Kurangan) Bersih Tahun Semasa		(17,596,719)	(35,850,866)
Pelarasan bagi:			
Faedah atas deposit di bank		(941,050)	(2,334,458)
Hibah atas Pembiayaan Komputer		(556)	(753)
Faedah atas Pinjaman Kenderaan		(40,405)	(31,969)
Faedah atas Deposit		—	—
Keuntungan Atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		(17,212)	(236,739)
Kerugian atas penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		897	246,756
Pengiktirafan Geran Tertunda		(16,466,532)	(16,558,385)
Susutnilai	6	17,465,006	17,777,631
Peruntukan Manfaat Pekerja		1,415,481	1,557,783
Hapuskira Penghutang		—	—
<b>(Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>		<b>(16,181,090)</b>	<b>(35,431,000)</b>
Perubahan Modal Kerja:—			
Kurangan/(tambahan)			
Penghutang		(246,938)	55,726,284
Pendahuluan		58,627	79,371
Deposit Diberi		(1,283,618)	622,760
Bayaran Terdahulu		(254,560)	1,589,475
GST Cukai Input		(282,298)	0
Tambahan/(kurangan)			
Pelbagai Pemutang		(39,766,360)	11,323,134
<b>Tunai (digunakan) daripada operasi</b>		<b>(57,956,237)</b>	<b>33,910,024</b>
Pembayaran manfaat pekerja		(548,347)	(921,493)
<b>TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		<b>(58,504,584)</b>	<b>32,988,531</b>

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*

*Bersambung >>*

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA  
31 DISEMBER 2015 (SAMB)**

<< Sambungan

Nota	2015 (RM)	2014 (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(310,417)	(1,822,917)
Permodalan Projek ICT/Bangunan MIDA–Pembinaan Dalam Kemajuan	0	21,885
Kutipan daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	17,213	481,873
Penerimaan Bagi Hibah Atas Pembiayaan Komputer	556	753
Pembayaran bagi Pembinaan dalam Kemajuan	(2,312,221)	(9,030,651)
Penerimaan Geran Pembangunan	—	—
Faedah Diterima – Kumpulan Wang Pembangunan	653	484,407
Pendapatan sewa akaun pembangunan	—	—
Pembayaran bagi perbelanjaan Pembangunan	(785,508)	(177,053)
Penerimaan Geran Pembangunan – Akaun-Akaun Khas	319,071,439	321,649,519
Faedah Diterima – Akaun-Akaun Khas	6,374,837	9,394,246
Pembayaran bagi Akaun-Akaun Khas	(369,310,761)	(468,599,269)
Faedah atas deposit di bank	941,050	2,334,458
Faedah atas Pinjaman Kenderaan	40,405	31,969
Faedah atas deposit	—	—
<b>Tunai Bersih (Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(46,272,754)</b>	<b>(145,230,780)</b>
<b>(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN:</b>		
Kesan kadar perubahan kadar pertukaran mata wang asing keatas tunai dan setara tunai	0	26,064
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan selepas kesan kadar pertukaran mata wang asing	254,069,994	366,286,179
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	<b>15</b>	<b>149,292,656</b>
		<b>254,069,994</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 DISEMBER 2015**

**1. Maklumat Umum**

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA di tempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan telah dibentang dan diluluskan melalui resolusi kepada Ahli Jemaah pada 1 Julai 2016.

**2. Asas Perakaunan**

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian-Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk 'Private Entity Reporting Standard' (PERS) yang dikeluarkan oleh 'Malaysian Accounting Standards Board' (MASB) dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

**3. Polisi Pengurusan Risiko Kewangan**

Bagi MIDA, polisi pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk mencapai objektifnya disamping menguruskan risiko-risikonya berkaitan matawang asing, kredit dan kecairan dan aliran tunai. MIDA tidak terbabit dalam risiko pasaran dan risiko kadar faedah disebabkan MIDA tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi di pasaran saham dan pinjaman daripada institusi kewangan.

**a) Risiko matawang asing**

Risiko matawang asing berlaku akibat daripada membiayai kos operasi 23 pejabat-pejabat MIDA di luar negara. Bagi pemantauan risiko tersebut, penghantaran wang untuk kos operasi pejabat-pejabat tersebut dibuat secara bulanan atau apabila diperlukan dengan menggunakan kadar pertukaran matawang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

**b) Risiko kredit**

Risiko kredit dikawal dengan memastikan bahawa Pengutang Pinjaman mematuhi syarat-syarat pinjaman selaras dengan Peraturan Kewangan dan Perakaunan MIDA.

**c) Risiko kecairan dan aliran tunai**

MIDA berusaha dalam mengurus geran-geran yang diterima dari kerajaan Persekutuan, aliran tunai operasi dan dana yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja agar pengagihan dan penggunaan dana dapat diselaraskan.

**4. Dasar-dasar Perakaunan Yang Penting**

**a) Hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM1 ,000 seunit dan ke atas setiap satu atau harta, loji dan peralatan yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan adalah dipermodalkan. Perabot, permaidani, langsyir serta sekatan pejabat dan seumpamanya tanpa mengira kosnya tidak dipermodalkan.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak peruntukan susutnilai dan penjejasan aset (jika ada) kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Perisian komputer yang dibeli secara pakej mengikut projek dipermodalkan. Susutnilai ke atas setiap harta, loji dan peralatan ditentukan berdasarkan kaedah garislurus berdasarkan anggaran jangka hayat harta, loji dan peralatan. Kadar-kadar susutnilai adalah seperti berikut:-

Bangunan	2% setahun
Mesin dan peralatan pejabat	10% setahun
Kenderaan	20% setahun
Komputer, peralatan dan perisian	20% setahun
Pengubahsuaian pejabat	20% setahun

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 DISEMBER 2015 (SAMB)**

**b) Penghutang**

Hutang lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskira dan peruntukan akan dibuat ke atas hutang yang diragui akan pungutannya.

**c) Akaun khas**

Segala terimaan dikreditkan dan segala penggunaan didebitkan kepada akaun tersebut. Baki akaun khas pada tarikh Lembaran Imbangan diambilkira sebagai liabiliti. Akaun khas yang diuruskan oleh MIDA, dibiayai oleh pihak ketiga mengikut projek-projek dan aktiviti-aktiviti tertentu.

**d) Geran–geran Kerajaan Persekutuan**

